20 October

2016 - 2030



STATISTIK UTAMA PERIKANAN TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH, SARAWAK, 2023



Daerah	Bilangan Pegangan Pertanian		Kuantiti Pengeluaran (mt)		Kuantiti Jualan (mt)		Nilai Jualan (RM Juta)	
Sarikei		50		986		938		6.70
		-		-		-		-
	Jumlah	50	Jumlah	986	Jumlah	938	Jumlah	6.70
Maradong		75		732		697		6.45
		-		-		-		-
	Jumlah	75	Jumlah	732	Jumlah	697	Jumlah	6.45
Daro		663		12,758		10,606		76.04
		-		-		-		-
	Jumlah	663	Jumlah	12,758	Jumlah	10,606	Jumlah	76.04
Julau		-		-		-		-
		-		-		-		-
	Jumlah	-	Jumlah	-	Jumlah	-	Jumlah	-
Sibu		70		1,433		1,363		8.39
		6		150		150		0.92
	Jumlah	76	Jumlah	1,583	Jumlah	1,513	Jumlah	9.31
Dalat		108		4,032		3,262		20.97
		-		-		-		-
	Jumlah	108	Jumlah	4,032	Jumlah	3,262	Jumlah	20.97
Mukah		156		4,276		3,494		25.71
		-		-		-		-
	Jumlah	156	Jumlah	4,276	Jumlah	3,494	Jumlah	25.71
Kanowit		57		28		28		0.45
		-		-		-		-
	Jumlah	57	Jumlah	28	Jumlah	28	Jumlah	0.45
Bintulu		22		305		290		2.14
		-		-		-		-
	Jumlah	22	Jumlah	305	Jumlah	290	Jumlah	2.14
Tatau		65		9,664		8,758		45.89
		-		-		-		-
	Jumlah	65	Jumlah	9,664	Jumlah	8,758	Jumlah	45.89

Nota. mt (Tan Metrik)

Sumber: Banci Pertanian 2024



Pegangan Pertanian Individu



Pegangan Pertanian Pertubuhan



@StatsMalaysia



20 October

2016 - 2030



STATISTIK UTAMA PERIKANAN TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH, SARAWAK, 2023



Daerah	Bilangan Pegangan Pertanian		Kuantiti Pengeluaran (mt)		Kuantiti Jualan (mt)		Nilai Jualan (RM Juta)	
Kapit		45		63		62		0.57
		-		-		-		-
	Jumlah	45	Jumlah	63	Jumlah	62	Jumlah	0.57
Song		10		8		8		0.26
		-		-		-		-
	Jumlah	10	Jumlah	8	Jumlah	8	Jumlah	0.26
Belaga		64		37		36		0.37
		-		-		-		-
	Jumlah	64	Jumlah	37	Jumlah	36	Jumlah	0.37
Miri		31		695		661		5.12
		4		76		76		0.45
	Jumlah	35	Jumlah	772	Jumlah	737	Jumlah	5.57
Marudi		26		47		45		0.63
		-		-		-		-
	Jumlah	26	Jumlah	47	Jumlah	45	Jumlah	0.63
Limbang		246		2,097		1,807		17.28
		-		-		-		-
	Jumlah	246	Jumlah	2,097	Jumlah	1,807	Jumlah	17.28
Lawas		636		5,323		4,490		33.54
		-		-		-		-
	Jumlah	636	Jumlah	5,323	Jumlah	4,490	Jumlah	33.54
Matu		275		3,235		2,320		23.73
		-		-		-		-
	Jumlah	275	Jumlah	3,235	Jumlah	2,320	Jumlah	23.73
Asajaya		167		3,667		2,915		20.70
		1		5		5		0.03
	Jumlah	168	Jumlah	3,672	Jumlah	2,919	Jumlah	20.73
Pakan		-		-		-		-
		-		-		-		-
	Jumlah	-	Jumlah	-	Jumlah	-	Jumlah	-

Nota. mt (Tan Metrik)

Sumber: Banci Pertanian 2024



Pegangan Pertanian Individu



Pegangan Pertanian Pertubuhan



@StatsMalaysia



20 October

2016 - 2030



STATISTIK UTAMA PERIKANAN TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH, SARAWAK, 2023



Daerah	Bilangan Pegangan Pertanian		Kuantiti Pengeluaran (mt)		Kuantiti Jualan (mt)		Nilai Jualan (RM Juta)	
Selangau		47		63		61		0.79
		-		-		-		-
	Jumlah	47	Jumlah	63	Jumlah	61	Jumlah	0.79
Tebedu		-		-		-		-
		-		-		-		-
	Jumlah	-	Jumlah	-	Jumlah	-	Jumlah	-
Pusa		122		3,992		3,792		23.69
		1		3		3		0.02
	Jumlah	123	Jumlah	3,995	Jumlah	3,795	Jumlah	23.71
Kabong		79		2,539		1,273		9.16
		-		-		-		-
	Jumlah	79	Jumlah	2,539	Jumlah	1,273	Jumlah	9.16
Tanjung Manis		311		6,660		4,049		28.66
		-		-		-		-
	Jumlah	311	Jumlah	6,660	Jumlah	4,049	Jumlah	28.66
Sebauh		8		6		6		0.14
		-		-		-		-
	Jumlah	8	Jumlah	6	Jumlah	6	Jumlah	0.14
Bukit Mabong		5		3		3		0.03
		-		-		-		-
	Jumlah	5	Jumlah	3	Jumlah	3	Jumlah	0.03
Subis		49		9,798		9,309		47.83
		-		-		-		-
	Jumlah	49	Jumlah	9,798	Jumlah	9,309	Jumlah	47.83
Beluru		6		24		23		0.15
		-		-		-		-
	Jumlah	6	Jumlah	24	Jumlah	23	Jumlah	0.15
Telang Usan		9		19		18		0.15
		-		-		-		-
	Jumlah	9	Jumlah	19	Jumlah	18	Jumlah	0.15

Nota. mt (Tan Metrik)

Sumber: Banci Pertanian 2024



Pegangan Pertanian Individu



Pegangan Pertanian Pertubuhan





STATISTIK UTAMA PERIKANAN TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH, SARAWAK, 2023



Daerah	Bilangan Pegangan Pertanian	Kuantiti Pengeluaran (mt)	Kuantiti Jualan (mt)	Nilai Jualan (RM Juta)
Gedong	5	65	62	0.44
	-	-	-	-
	Jumlah 5	Jumlah 65	Jumlah 62	Jumlah 0.44
Sebuyau	182	3,026	2,875	20.57
	-	-	-	-
	Jumlah 182	Jumlah 3,026	Jumlah 2,875	Jumlah 20.57
Siburan	-	-	-	-
	-	-	-	-
	Jumlah -	Jumlah -	Jumlah -	Jumlah -
Pantu	16	11	11	0.29
	-	-	-	-
	Jumlah 16	Jumlah 11	Jumlah 11	Jumlah 0.29
Lingga	57	727	691	4.87
	-	-	-	-
	Jumlah 57	Jumlah 727	Jumlah 691	Jumlah 4.87

Nota. mt (Tan Metrik)

Sumber: Banci Pertanian 2024



Pegangan Pertanian Individu



Pegangan Pertanian Pertubuhan



@StatsMalaysia



20 October

2016 - 2030



PROFIL PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, 2023



303

PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Kewarganegaraan



Warganegara
96.4%



Bukan Warganegara
3.6%

Etnik



Bumiputera
95.2%



Cina
4.1%



Lain-lain
0.7%

Jantina

301
99.3%



Lelaki



2
0.7%

Perempuan

Kumpulan Umur

2.2%
15 - 30
tahun

22.8%
31 - 45
tahun

40.3%
46 - 59
tahun

34.7%
60 tahun dan
ke atas

Taraf Perkahwinan

81.5%



Berkahwin

7.6%



Balu/Duda

3.3%



Bercerai/
Berpisah

7.6%



Tidak Pernah
Berkahwin


Sijil Tertinggi Diperoleh

Pendidikan
Menengah
24.1%

Pendidikan
Tertiri
3.3%

Pendidikan
Rendah
41.3%

Tiada Sijil
31.3%



14

PEGANGAN
PERTANIAN
PERTUBUHAN

ZON DARAT

0
Pertubuhan

ZON LAUT

Laut Pantai
14
Pertubuhan
100.0%

Laut Dalam
0
Pertubuhan





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



STATISTIK UTAMA PERIKANAN TANGKAPAN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, 2023



Bilangan Pegangan
Pertanian

317



95.6%



4.4%



Kuantiti Pengeluaran

20,015 mt



9.1%



90.9%



Kuantiti Jualan

20,015 mt



9.1%



90.9%

RM

Nilai Jualan

RM266.23 juta



7.4%



92.6%



Bilangan Pegangan
Pertanian

303

14

Jumlah

317



Kuantiti
Pengeluaran (mt)

1,826

18,188

Jumlah

20,015



Kuantiti
Jualan (mt)

1,826

18,188

Jumlah

20,015

RM

Nilai Jualan
(RM Juta)

19.57

246.66

Jumlah

266.23

Nota. mt (Tan Metrik)

Sumber: Banci Pertanian 2024



Pegangan Pertanian Individu



Pegangan Pertanian Pertubuhan



@StatsMalaysia



20 October

2016 - 2030

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

A large school of silver fish, likely silver pomfrets, swimming in clear blue water. The fish are densely packed and moving in various directions, creating a sense of dynamic movement. The background is a deep, clear blue, and the lighting highlights the metallic sheen of the fish's scales.

RINGKASAN PENEMUAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN MALAYSIA

1. PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama Perikanan tangkapan hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti Perikanan tangkapan merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada zon perikanan di mana aktiviti Perikanan tangkapan dijalankan.

2. LATAR BELAKANG

Aktiviti Perikanan tangkapan yang diliputi oleh Banci Pertanian 2024 merangkumi aktiviti menangkap ikan dan hasil laut dari perairan semula jadi. Perikanan tangkapan merujuk kepada pemungutan dan pengumpulan organisma kehidupan akuatik liar seperti ikan, moluska dan krustasia, termasuk tumbuhan yang terdapat di perairan air tawar atau air masin bagi tujuan komersial. Banci Pertanian 2024 memberi penekanan kepada konsep Pegangan Pertanian yang secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada dua kategori iaitu individu dan pertubuhan perniagaan. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.

3. KONSEP UTAMA PERIKANAN

Berikut merupakan konsep perikanan yang bersumberkan Jabatan Perikanan Malaysia:

3.1. Definisi Nelayan

Nelayan ialah individu yang mendapat pendapatan melalui aktiviti menangkap ikan di laut, tasik atau di sungai. Nelayan terdiri daripada tekong dan pemilik (tidak termasuk awak-awak). Di Malaysia, sistem pelesenan untuk perikanan tangkapan dan perikanan darat diurus terutamanya oleh dua badan kerajaan yang berasingan mencerminkan pembahagian tanggungjawab antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

3.2. Pelesenan Perikanan Tangkapan (Perikanan Laut)

Perikanan marin di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) di peringkat persekutuan, ditadbir oleh Akta Perikanan 1985. Struktur pelesenan direka bentuk untuk mengurus dan mengekalkan sumber perikanan dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan perairan wilayah Malaysia. Ciri-ciri utama termasuk ialah jenis lesen memancing marin dan keperluan untuk lesen memancing

3.3. Jenis Lesen Memancing Marin

Antara lesen memancing marin yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ialah Lesen Kapal Perikanan Komersial untuk bot melebihi 70 *gross registered tonnage* atau (GRT) biasanya digunakan untuk operasi laut dalam dan skala industri. Lesen Memancing Tradisional atau Skala Kecil Zon A pula digunakan untuk kapal yang lebih kecil kurang daripada 10 GRT dan beroperasi di perairan pantai sehingga 5 batu nautika dari pantai. Seterusnya, Lesen Memancing Komersial Zon B dan C pula untuk kapal sederhana hingga besar yang beroperasi di perairan melebihi 5 hingga 30 batu nautika Zon B dan Zon C

3.4. Keperluan untuk Lesen Memancing Marin

Syarat untuk mendapatkan Lesen Memancing Marin adalah seperti berikut, diwajibkan untuk individu tersebut mempunyai kewarganegaraan Malaysia bagi pemilik kapal, pendaftaran dengan Jabatan Laut, pematuhan dengan piawaian keselamatan dan peralatan kapal, penilaian kesan alam sekitar untuk kapal yang lebih besar dan akhir sekali pelaporan tangkapan dan pemantauan kapal untuk kemampuan.

3.5. Pelesenan Perikanan Pedalaman

Perikanan darat, termasuk perikanan sungai, tasik dan takungan, dikawal selia di peringkat negeri di Malaysia. Setiap negeri mempunyai set peraturannya sendiri, biasanya dikawal di bawah Enakmen atau Ordinan tempatan. Walau bagaimanapun, Akta Perikanan 1985 juga menyediakan rangka kerja bagi pengurusan perikanan darat.

3.6. Keperluan untuk Lesen Memancing Pedalaman

Syarat atau keperluan untuk individu memohon Lesen Memancing Pedalaman adalah seperti berikut, pertama keperluan pemastautin tempatan selalunya dikhususkan untuk negeri sahaja, penggunaan gear dan kaedah yang diluluskan, mematuhi had tangkapan dan musim tertutup. Keperluan terakhir individu tersebut mestilah tahu dan mengamalkan langkah-langkah pemuliharaan dan perlindungan habitat.

3.7. Sistem Pengezonan

Sistem pengezonan untuk perikanan tangkapan di Malaysia adalah bahagian penting dalam pengurusan perikanan negara, bertujuan untuk memastikan amalan penangkapan ikan yang mampan dan mengurangkan konflik antara sektor perikanan yang berbeza. Sistem ini, ditubuhkan di bawah Akta Perikanan 1985, membahagikan perairan marin Malaysia kepada zon penangkapan ikan yang berbeza berdasarkan jarak dari garis pantai dan saiz kapal, dengan peralatan khusus dan sekatan operasi untuk setiap zon.

3.8. Zon Memancing di Malaysia

Terdapat empat zon yang ditakrifkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia antaranya ialah Zon A bermula dengan 0 hingga 5 Batu Nautika. Jenis memancing lebih kepada tradisional dan secara kecil-kecilan. Gear yang dibenarkan ialah gear bukan mekanikal dan berskala kecil seperti garis tangan, jaring kecil dan perangkap. Pengecualian dan larangan diberikan kepada kapal pukat tunda dan kapal komersial besar adalah dilarang sama sekali. Tujuannya adalah untuk melindungi nelayan berskala kecil dan memulihara ekosistem pantai yang penting untuk pembiakan ikan dan tapak semaian.

Seterusnya, Zon B bermula dengan jarak 5 hingga 12 Batu Nautika dari permukaan darat. Saiz kapal yang dibenarkan adalah kurang daripada 40 GRT. Jenis memancing untuk zon ini difokuskan untuk perikanan komersial kecil hingga sederhana. Gear yang dibenarkan pula adalah pukat tunda, pukat *purse seine* dan lain-lain gear berimpak sederhana. Seterusnya peraturan yang perlu dipatuhi ialah mesti mengelakkan pencerobohan ke dalam Zon A dan mematuhi sekatan gear untuk mengurangkan tangkapan sampingan dan kerosakan habitat.

Tambahan lagi, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) turut memperkenalkan zon memancing untuk Zon C di mana jaraknya adalah 12 hingga 30 Batu Nautika dari permukaan darat pantai. Jenis saiz kapal yang diluluskan untuk zon ini ialah 40 hingga 70 GRT. Jenis memancing untuk zon ini lebih focus kepada operasi komersial berskala lebih besar. Penggunaan peralatan atau gear yang dibenarkan ialah pukat tunda yang lebih besar, pukat *purse seine*, tali panjang dan sistem mekanikal lain. Fokus pengurusan untuk zon ini ialah usaha memancing yang lebih tinggi dibenarkan tetapi dengan keperluan pemantauan dan pelaporan yang lebih ketat.


Akhir sekali, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memperkenalkan Zon C2 di mana untuk kategori zon ini jaraknya adalah melebihi 30 Batu Nautika ke Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Secara umumnya, zon eksklusif sesebuah negara itu merupakan kawasan melepasi dan selari dengan lingkungan perairan wilayah pada jarak tidak lebih daripada 200 batu nautika (370km) dari garis pangkal persisiran negara. Jenis saiz kapal yang digunakan untuk zon C2 lebih daripada 70 GRT. Jenis memancing untuk zon ini ialah operasi laut dalam dan skala industri. Gear yang dibenarkan ialah talian panjang, pukat tunda besar dan peralatan laut dalam khusus. Antara peraturan tambahan yang dikuatkuasakan ialah individu atau syarikat tersebut memerlukan permit tambahan dan

pematuhan undang-undang maritim antarabangsa. Fokus pemuliharaan untuk zon ini mencegah penangkapan ikan berlebihan dan melindungi habitat laut dalam yang sensitif.

4. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan secara keseluruhannya, merekodkan penglibatan seramai 48,666 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 1,099,572 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 1,054,734 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM10.78 bilion, sekali gus mencerminkan kekukuhan aktiviti ini dalam menyumbang kepada ekonomi negara serta memastikan kelestarian sumber makanan laut untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



5. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


5.1. Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan

Secara keseluruhannya, 48,666 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Malaysia yang merangkumi 48,267 pegangan pertanian individu dan 399 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti perikanan tangkapan laut iaitu seramai 42,051 orang atau 87.1, manakala baki 6,216 orang (12.9%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, majoriti 395 pertubuhan (99.0%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala selebihnya (4 pertubuhan: 1.0%) terlibat dalam Perikanan tangkapan darat.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



6. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU


6.1.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 98.4 peratus atau 47,507 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 760 orang yang mewakili 1.6 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut negeri menunjukkan Sabah merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 14,501 orang, diikuti oleh Perak dengan 5,630 orang dan Sarawak (4,396 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan turut menunjukkan Sabah merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 337 orang, diikuti Johor dengan 148 orang dan Kedah dengan 77 orang.

Analisis pegangan pertanian individu mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Semporna, Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu teratas lelaki iaitu 3,527 orang dan dan Tawau, Sabah dengan bilangan pegangan pertanian individu teratas perempuan dengan 82 orang. Keadaan ini mencerminkan tumpuan yang ketara terhadap aktiviti Perikanan tangkapan di kawasan tersebut.

Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Malaysia, 2023




6.1.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 18,253 orang atau 37.8 peratus. Kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun merekodkan 13,566 orang (28.1%), manakala mereka yang berumur umur 60 tahun dan ke atas pula menyumbang seramai 13,525 orang (28.0%). Secara keseluruhan, majoriti penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas.

Analisis di peringkat negeri dan daerah pentadbiran menunjukkan penglibatan teratas pegangan pertanian individu adalah bagi kumpulan umur 31 hingga 45 tahun direkodkan oleh Sabah iaitu 5,400 orang, seterusnya Semporna, Sabah juga merekodkan penglibatan teratas kumpulan umur 31 hingga 45 tahun iaitu seramai 1,227 orang.

Paparan 4: Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023




6.1.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 43,440 orang (90.5%) berbanding bukan warganegara (4,826 orang, 9.5%).

Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 86.5 peratus atau 36,760 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 5,398 orang (12.4%), diikuti oleh etnik Lain-lain dan etnik India yang masing-masing merekodkan 279 orang (0.6%) dan 229 orang (0.5%). Pegangan pertanian individu dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Malaysia, 2023



6.1.4. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan di Malaysia diklasifikasikan mengikut dua zon utama berdasarkan lokasi aktiviti iaitu zon laut dan zon darat.

Zon laut merangkumi laut pantai dan laut dalam. Ia boleh dibahagikan kepada lima kumpulan seperti berikut:

- i. Zon A (jarak tangkapan vesel dari jeti adalah 0-5 batu nautika);
- ii. Zon B (jarak tangkapan vesel dari jeti adalah 5-12 batu nautika);
- iii. Zon C (jarak tangkapan vesel dari jeti adalah 12-30 batu nautika);
- iv. Zon C2 (jarak tangkapan vesel dari jeti adalah 30 batu nautika-ZEE (sehingga 200 batu nautika); dan
- v. Zon C3 (Perairan antarabangsa).


Manakala, zon darat meliputi tangkapan di pelbagai jenis perairan darat seperti sungai, lombong, empangan, tasik serta kawasan-kawasan lain yang berkaitan.

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 42,051 orang atau 87.1 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 6,216 orang atau 12.9 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian individu tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 41,672 orang (99.1%), manakala selebihnya, iaitu 379 orang (0.9%) mengusahakan aktiviti di Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut negeri, Sabah merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 14,124 orang (33.6%), manakala Pahang bagi zon darat, dengan 1,825 orang, menyumbang 29.4 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Malaysia, 2023



6.1.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, iaitu seramai 16,792 orang (34.8%). Seterusnya, seramai 16,206 orang (33.6%) mempunyai sijil bertaraf rendah, manakala 14,738 orang (30.5%) memiliki sijil taraf menengah. Sementara itu, hanya 531 orang (1.1%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertuari. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, 2023



6.1.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti Perikanan tangkapan, berjumlah 39,075 orang atau 81.0 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 5,411 orang (11.2 %). Sementara itu, 3,260 orang (6.8 %) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 521 orang (1.1 %) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, 2023




6.2. Pegangan Pertanian Pertubuhan

6.2.1. Zon Perikanan

Majoriti pertubuhan, iaitu seramai 395 pertubuhan atau 99.0 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Selebihnya iaitu 4 pertubuhan menjalankan kegiatan di zon darat atau hanya 1.0 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu dalam Perikanan laut pantai dengan merekodkan 369 pertubuhan (92.5%) berbanding 26 pertubuhan (6.5%) yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut dalam. Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 9: Jumlah Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, 2023



7. KUANTITI PENGELUARAN

7.1. Kuantiti Pengeluaran Perikanan Tangkapan

7.1.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Malaysia mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 1,099,572 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 910,056 tan metrik, bersamaan 82.8 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 189,514 tan metrik (17.2%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan negara, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



7.1.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 1,089,798 tan metrik, bersamaan 99.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 9,774 tan metrik atau hanya 0.9 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.

Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Malaysia, 2023



7.2. Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan pegangan pertanian individu di Malaysia menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan 910,058 tan metrik. Majoriti kuantiti ini dihasilkan melalui operasi Perikanan tangkapan laut yang mencatat 900,778 tan metrik, iaitu 99.0 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 9,280 tan metrik, mewakili 1.0 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Malaysia, 2023



7.3. Kuantiti Pengeluaran bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 189,514 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dengan 189,131 tan metrik atau 99.8 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang 383 tan metrik, iaitu 0.2 peratus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan hampir keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 13: Kuantiti Pengeluaran bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Malaysia 2023



7.4. Kuantiti Pengeluaran mengikut Negeri

Seterusnya kuantiti pengeluaran mengikut lima negeri teratas direkodkan oleh Perak (298,595 tan metrik, 27.2%), Sabah (159,058 tan metrik, 14.5%), Kedah (129,448 tan metrik, 11.8%), Selangor (106,915 tan metrik, 9.7%) dan Pahang (100,932 tan metrik, 9.2%). Lima negeri ini menyumbang majoriti besar pengeluaran Perikanan tangkapan keseluruhan negara.


Paparan 14: Kuantiti Pengeluaran mengikut 5 Negeri Teratas, Malaysia, 2023



7.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut lima daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Bagan Datuk, Perak sebanyak 125,363 tan metrik (11.4%), diikuti oleh Manjung Perak sebanyak 86,666 tan metrik (7.9%), Langkawi, Kedah dengan 65,913 tan metrik (6.0%), Sabak Bernam, Selangor sebanyak 65,362 tan metrik (5.9%), dan Kuantan, Pahang sebanyak 59,848 tan metrik (5.4%). Lima daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah pengeluaran keseluruhan.

Paparan 15: Kuantiti Pengeluaran mengikut 5 Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023



8. KUANTITI JUALAN

8.1. Kuantiti Jualan Perikanan Tangkapan

8.1.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Malaysia merekodkan sebanyak 1,054,734 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 865,768 tan metrik, iaitu sebanyak 82.0 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 188,966 tan metrik (17.9%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Malaysia didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 16: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



8.1.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan mengikut zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 1,045,152 tan metrik iaitu 99.1 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 9,582 tan metrik (0.9%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.

Paparan 17: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, Malaysia, 2023



8.2. Kuantiti Jualan bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 865,768 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 856,679 tan metrik, mewakili 98.9 peratus daripada keseluruhan, manakala

kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 9,089 tan metrik atau 1.1 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Malaysia didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.

Paparan 18: Kuantiti Jualan bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Malaysia, 2023



8.3. Kuantiti Jualan bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan

Analisis kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 188,966 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 188,583 tan metrik (99.8%) adalah daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala 383 tan metrik (0.2%) merupakan hasil Perikanan tangkapan darat. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang utama kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 19: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Malaysia, 2023




8.4. Kuantiti Jualan mengikut Negeri

Kuantiti jualan mengikut lima negeri utama direkodkan oleh Perak dengan jumlah 298,444 tan metrik, bersamaan 29.0 peratus daripada jumlah keseluruhan. Seterusnya, Sabah dengan 149,994 tan metrik (14.2%), diikuti oleh Kedah sebanyak 129,342 tan

metrik (12.3%), Selangor dengan 105,697 tan metrik (10.0%), manakala negeri Pahang merekodkan 100,433 tan metrik, iaitu 9.5 peratus. Lima negeri utama ini menyumbang hampir 70 peratus daripada jumlah kuantiti jualan keseluruhan Perikanan tangkapan di Malaysia.

Paparan 20: Kuantiti Jualan mengikut 5 Negeri Teratas, Malaysia, 2023



8.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa lima daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Bagan Datuk, Perak dengan 125,243 tan metrik (11.9%), diikuti oleh Manjung, Perak sebanyak 86,666 tan metrik (8.2%), Langkawi, Kedah (65,832 tan metrik, 6.2%), Sabak Bernam, Selangor (64,613 tan metrik, 6.2%) dan Kuantan, Pahang (59,684 tan metrik, 6.0%).

Secara keseluruhannya, kelima-lima daerah pentadbiran ini menyumbang hampir 39% daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan. Ini mencerminkan tumpuan jualan yang lebih tinggi di daerah-daerah tertentu yang mungkin dipengaruhi oleh faktor lokasi, akses pasaran, dan aktiviti ekonomi setempat.

Paparan 21: Kuantiti Jualan mengikut 5 Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023



9. NILAI JUALAN

9.1. Nilai Jualan Perikanan Tangkapan

9.1.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Malaysia mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM10.78 bilion. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM9.03 bilion, bersamaan dengan 83.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM1.75 bilion (16.2%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negara.


Paparan 22: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



9.1.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon Perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM10.57 bilion atau 98.1 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM0.21 bilion, bersamaan dengan 1.9 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 23: Nilai Jualan mengikut Zon Perikanan, Malaysia, 2023



9.2. Nilai Jualan bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM9.03 bilion. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM9.56 bilion atau 98.1 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM0.19 bilion, iaitu bersamaan 1.9 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 24: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Malaysia 2023



9.3. Nilai Jualan bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM1.75 bilion, dengan majoritinya daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut sebanyak RM1.74 bilion (99.7%), sementara selebihnya (RM5.93 juta ,0.3%) adalah aktiviti Perikanan tangkapan darat. Nilai jualan ini menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dalam nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 25: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Malaysia, 2023



9.4. Nilai Jualan mengikut Negeri

Seterusnya, lima negeri teratas dari sudut nilai jualan direkodkan oleh Perak dengan nilai jualan sebanyak RM2.36 bilion (21.9%). Diikuti oleh Kedah (RM1.52 bilion, 14.1%), Sabah (RM1.48 bilion, 13.8%), Selangor (RM1.39 bilion, 12.9%), dan Pahang (RM0.91 bilion, 8.4%). Secara keseluruhan, kelima-lima negeri ini menyumbangkan lebih daripada 50 peratus nilai jualan Perikanan tangkapan di peringkat nasional.

Paparan 26: Nilai Jualan 5 Negeri Teratas, Malaysia 2023




9.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut lima daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Bagan Datuk, Perak dengan nilai jualan sebanyak RM8.23 juta (7.6%), diikuti oleh Manjung, Perak sebanyak 8.14 juta (7.4%), Langkawi, Kedah sebanyak RM7.65 juta (7.1%), Sabak Bernam, Selangor RM7.07 juta (6.6%), Larut dan Matang dan Perak RM4.73 juta (4.4%). Gabungan lima daerah utama ini menyumbang lebih daripada 35.5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negara.

Paparan 27: Nilai Jualan 5 Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



JOHOR


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN JOHOR

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Johor secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 4,524 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 42,260 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 42,260 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM625.14 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Johor, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN JOHOR

Secara keseluruhannya, 4,524 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Johor yang merangkumi 4,512 pegangan pertanian individu dan 12 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti perikanan tangkapan laut iaitu seramai 4,070 orang atau 90.0 peratus, manakala baki 454 orang (10.0%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, majoriti 11 pertubuhan (91.7%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala selebihnya (1 pertubuhan, 8.3%) terlibat dalam Perikanan tangkapan darat.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Johor, 2023



2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU


2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 97.4 peratus atau 4,395 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 117 orang yang mewakili 2.6 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Johor Bahru merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 993 orang, diikuti oleh Muar seramai 830 orang dan Pontian (678 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan turut menunjukkan Johor Bahru merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 82 orang, diikuti Segamat dengan sembilan orang dan Kota Tinggi dengan lapan orang.

Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Johor didominasi oleh lelaki, dengan Johor Bahru, Muar dan Pontian muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Johor, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 1,802 orang atau 39.9 peratus. Kumpulan umur antara 60 tahun dan ke atas merekodkan 1,228 orang (27.2%), manakala mereka yang berumur 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 1,213 orang (26.9%). Secara keseluruhan, hampir 70 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.

Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Johor, 2023




2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Johor memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 4,506 orang (99.8%) berbanding bukan warganegara (6 orang, 0.2%).

Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 90.2 peratus atau 4,072 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 430 orang (9.5%), diikuti oleh etnik India dan Lain-lain yang masing-masing merekodkan 3 orang (0.1%) dan satu orang (0.0%). Pegangan pertanian individu Johor dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Johor, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 4,061 orang atau 90.0 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 451 orang atau 10.0 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 4,061 orang (100.0%), manakala tiada operasi direkodkan bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Johor Bahru merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 1,069 orang (26.3%), manakala Segamat bagi zon darat, dengan 237 orang, menyumbang 52.3 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil bertaraf menengah, iaitu seramai 2,626 orang (58.2%). Seterusnya, seramai 926 orang (20.5%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, manakala 917 orang (20.3%) memiliki sijil taraf rendah. Sementara itu, hanya 43 orang (1.0%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Johor, berjumlah 3,791 orang atau 84.0 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 423 orang (9.4%). Sementara itu, 266 orang (5.9%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 32 orang (0.7%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Johor, 2023




2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Majoriti pertubuhan, iaitu seramai 11 pertubuhan atau 91.6 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Selebihnya iaitu satu pertubuhan menjalankan kegiatan di zon darat atau hanya 8.4 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut pantai dengan merekodkan sembilan pertubuhan (81.8%) berbanding dua pertubuhan (18.2%) yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut dalam. Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Johor mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 42,260 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 34,593 tan metrik, bersamaan 81.9 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 7,667 tan metrik (18.1%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Johor, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 41,401 tan metrik, bersamaan 98.0 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 859 tan metrik atau hanya 2.0 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Johor menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 34,593 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui operasi Perikanan tangkapan laut yang mencatat 34,089 tan metrik, iaitu 98.5 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 504 tan metrik, mewakili 1.5 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 7,667 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dengan 7,312 tan metrik atau 95.4 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang 355 tan metrik, iaitu 4.6 peratus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan hampir keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Johor ialah Johor Bahru dengan jumlah pengeluaran 13,967 tan metrik (32.4%), diikuti oleh Kota Tinggi (7,370 tan metrik, 17.4%), Mersing (6,591 tan metrik, 15.6%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Johor merekodkan sebanyak 42,260 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 34,593 tan metrik, iaitu sebanyak 81.8 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 7,667 tan metrik (18.2%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Johor didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Johor, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan mengikut zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 41,400 tan metrik iaitu 97.9 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 859 tan metrik (2.1%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan Johor, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 34,593 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 34,089 tan metrik, mewakili 98.5 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 514 tan metrik atau 1.5 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Johor didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 7,667 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,312 tan metrik (95.4%) adalah daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala 355 tan metrik (4.6%) merupakan hasil Perikanan tangkapan darat. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang utama kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 16: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Johor Bahru dengan 13,967 tan metrik (33.0%), diikuti oleh Kota Tinggi (7,369 tan metrik, 17.4%) dan Mersing (6,591 tan metrik, 15.6%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang melebihi 65 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Johor.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023



2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Johor mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM625.14 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM519.45 juta, bersamaan dengan 83.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM105.69 juta (16.9%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Johor, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon Perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM609.35 juta atau 97.5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM15.80 juta, bersamaan dengan 2.5 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM625.14 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM609.34 juta atau 98.1 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM15.80 juta, iaitu bersamaan 2.5 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.


Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM953.83 juta, dengan majoritinya daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut sebanyak RM100.16 juta (94.8%), sementara selebihnya (RM5.53 juta, 5.2%) adalah aktiviti Perikanan tangkapan darat. Nilai jualan ini menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dalam nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Johor, 2023




2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Mersing dengan nilai jualan sebanyak RM147.77 juta (23.6%), Johor Bahru diikuti oleh sebanyak RM120.92 juta (19.3%), Kota Tinggi dengan RM115.60 juta (18.5%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang lebih daripada 60 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KEDAH


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN KEDAH

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Kedah secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 4,314 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 129,448 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 129,342 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM1,520.03 juta, sekali gus mencerminkan kekukuhan sektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi negara serta memastikan kelestarian sumber makanan laut untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Kedah, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN KEDAH

Secara keseluruhannya, 4,314 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Kedah yang merangkumi 4,264 pegangan pertanian individu dan 50 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 4,144 orang atau 97.2 peratus, manakala baki 120 orang (2.8%) mengusahakan aktiviti Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, kesemua 50 pertubuhan (100%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Kedah, 2023



2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 98.2 peratus atau 4,187 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan sebanyak 77 orang yang mewakili 1.8 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Langkawi merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 1,495 orang, diikuti oleh Kuala Muda seramai 844 orang dan Kota Setar (814 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan turut menunjukkan Langkawi merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 46 orang, diikuti Kubang Pasu dengan sembilan orang dan Kota Setar dengan tujuh orang. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Kedah didominasi oleh lelaki, dengan Langkawi, Kuala Muda dan Kota Setar muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Kedah, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 60 tahun dan ke atas yang merekodkan 1,792 orang atau 42.0 peratus. Kumpulan umur antara 46 hingga 59 tahun merekodkan 1,379 orang (32.3%), manakala mereka yang berumur 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 970 orang (22.7%). Secara keseluruhan, lebih 70 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Kedah, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Kedah memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 4,264 orang (100%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 89.2 peratus atau 3,803 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 459 orang (10.8%), diikuti oleh etnik India yang merekodkan dua orang (0.0%). Keseluruhan pegangan pertanian individu Kedah dalam aktiviti ini didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Kedah, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 4,144 orang atau 97.2 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 120 orang atau 2.8 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada aktiviti Perikanan tangkapan laut pantai iaitu sebanyak 4,141 orang (99.9%), manakala bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam sebanyak tiga orang (0.1%).

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Langkawi merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 1,541 orang (37.2%), manakala Sik bagi zon darat, dengan 35 orang, menyumbang 29.2 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, iaitu seramai 2,280 orang (53.5%). Seterusnya, seramai 1,123 orang (26.3%) memiliki sijil bertaraf rendah, manakala 838 orang (19.7%) memiliki sijil taraf menengah. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Kedah, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Kedah, berjumlah 3,801 orang atau 89.1 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada kategori balu atau duda, seramai 255 orang (6.0%). Sementara itu, 196 orang (4.6%) tergolong individu yang tidak pernah berkahwin, manakala 12 orang (0.3%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Kedah, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Keseluruhan pertubuhan, iaitu sebanyak 50 pertubuhan atau 100 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Manakala tiada aktiviti Perikanan tangkapan di zon darat. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut pantai dengan merekodkan 50 pertubuhan (100%). Keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Kedah mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 129,448 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 125,238 tan metrik, bersamaan 96.7 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 4,210 tan metrik (3.3%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Kedah, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 129,006 tan metrik, bersamaan 99.7 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 442 tan metrik atau hanya 0.3 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Kedah menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 125,238 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 124,796 tan metrik, iaitu 99.6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, aktiviti Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 442 tan metrik, mewakili 0.4 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.

Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 4,210 tan metrik yang sepenuhnya diperolehi daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Kedah ialah Langkawi dengan jumlah pengeluaran 65,913 tan metrik (50.9%), diikuti oleh Kota Setar 40,713 tan metrik, (31.5%), Yan (11,599 tan metrik, 9.0%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah pengeluaran keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Kedah merekodkan sebanyak 129,342 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 125,205 tan metrik, iaitu sebanyak 96.8 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 4,137 tan metrik (3.2%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Kedah didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Kedah, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 128,899 tan metrik iaitu 99.7 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 443 tan metrik (0.3%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan Kedah, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 125,205 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 124,762 tan metrik, mewakili 99.6 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 443 tan metrik atau 0.4 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Kedah didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 4,137 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, keseluruhan 4,137 tan metrik (100.0%) adalah daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Analisis menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut menjadi satu-satunya penyumbang kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Langkawi dengan 65,832 tan metrik (50.9%), diikuti oleh Kota Setar (40,701 tan metrik, 31.5%) dan Yan (11,598 tan metrik, 9.0%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang melebihi 90 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Kedah.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Kedah mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM1,520.03 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM1,478.13 juta, bersamaan dengan 97.2 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM41.90 juta (2.8%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Kedah, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut Zon Perikanan menunjukkan aktiviti Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM1,513.28 juta atau 99.6 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada aktiviti Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM6.75 juta bersamaan dengan 0.4 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.

Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM1,478.13 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperoleh melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM1,471.38 juta atau 99.5 peratus, manakala aktiviti Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM6.75 juta, iaitu bersamaan 0.5 peratus. Ringkasnya, nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil aktiviti Perikanan tangkapan darat.

Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keseluruhan RM41.90 juta, yang sepenuhnya diperoleh daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ini membuktikan bahawa aktiviti tersebut merupakan satu-satunya sumber kepada nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Kedah, 2023




2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Langkawi dengan nilai jualan sebanyak RM765.61 juta (50.4%), Kota Setar diikuti oleh sebanyak RM467.83 juta (30.8%), Yan RM149.58 juta (9.8%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang hampir keseluruhan daripada jumlah keseluruhan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KELANTAN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN KELANTAN

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Kelantan secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 1,389 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 40,047 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 39,616 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM502.09 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN KELANTAN

Secara keseluruhannya, 1,389 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Kelantan yang merangkumi 1,379 pegangan pertanian individu dan 10 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut seramai 1,163 orang atau 99.1 peratus, manakala baki 216 orang (0.9%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, keseluruhan 10 pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut, Makala tiada pertubuhan terlibat dalam Perikanan tangkapan darat.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023



2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.4 peratus atau 1,371 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan sebanyak tujuh orang yang mewakili 0.6 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Bachok merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu sebanyak 452 orang, diikuti oleh Tumpat seramai 342 orang dan Pasir Puteh (219 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan turut menunjukkan Bachok merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan tiga orang, diikuti Pasir Puteh dan Tumpat dengan masing-masing hanya seorang. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Kelantan didominasi oleh lelaki, dengan Bachok, Tumpat dan Pasir Puteh muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Kelantan, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 537 orang atau 38.9 peratus. Kumpulan umur antara 60 tahun dan ke atas merekodkan 456 orang (33.1%), manakala mereka yang berumur 31 hingga 45 pula menyumbang seramai 342 orang (24.8%). Secara keseluruhan, lebih 70 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Kelantan, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, kesemua warganegara Malaysia di Kelantan memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 1,379 orang (100%) Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 99.8 peratus atau 1,376 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan seorang (0.1%), diikuti Lain-lain juga seramai seorang (0.1%). Pegangan pertanian individu Kelantan dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Kelantan, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 1,163 orang atau 84.3 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 216 orang atau 5.7 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 1,113 orang (95.7%), manakala bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam seramai 50 orang (4.3%).

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Bachok merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 448 orang (38.5%), manakala Kuala Krai bagi zon darat, dengan 62 orang, menyumbang 28.7 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, iaitu seramai 584 orang (42.3%). Seterusnya, seramai 457 orang (33.1%) memiliki sijil taraf menengah dan seramai 331 orang (24.0%) memiliki sijil taraf rendah. Sementara itu, hanya tujuh orang (0.5%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Kelantan, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Kelantan, berjumlah 1,097 orang atau 79.6 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada balu/duda, seramai 181 orang (13.1%). Sementara itu, 95 orang (6.9%) tergolong dalam individu tidak pernah berkahwin, manakala enam orang (0.4%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Kelantan , 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Kesemua pertubuhan iaitu sebanyak 79 pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut dalam dengan merekodkan tujuh pertubuhan (70.0%) berbanding tiga pertubuhan (30.0%) yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut pantai. Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut berbanding kawasan laut pantai.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Kelantan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 40,047 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 36,129 tan metrik, bersamaan 90.2 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 3,917 tan metrik (9.8%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Kelantan, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 39,847 tan metrik, bersamaan 99.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 199 tan metrik atau hanya 0.5 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Kelantan menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 36,129 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 35,930 tan metrik, iaitu 99.4 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 199 tan metrik, mewakili 0.6 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 3,917 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dengan 3,917 tan metrik dengan 100.0 peratus. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan hampir keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Kelantan , 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Kelantan ialah Bachok dengan jumlah pengeluaran 12,148 tan metrik (30.3%), diikuti oleh Pasir Puteh (9,560 tan metrik, 26.5%), Tumpat (9,103 tan metrik, 25.2%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Kelantan merekodkan sebanyak 39,616 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 34,002 tan metrik, iaitu sebanyak 90.9 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 3,614 tan metrik (9.1%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Kelantan didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Kelantan, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 39,422 tan metrik iaitu 99.5 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 194 tan metrik (0.5%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan Kelantan, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 36,002 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 35,808 tan metrik, mewakili 99.5 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 194 tan metrik atau 0.5 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Kelantan di dominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 3,614 tan metrik yang sepenuhnya diperoleh daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ini membuktikan bahawa aktiviti tersebut merupakan satu-satunya sumber kepada kuantiti jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Bachok dengan 12,067 tan metrik (30.5%), diikuti oleh Pasir Puteh (9,558 tan metrik, 26.5%) dan Tumpat (9,076 tan metrik, 25.2%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang melebihi 80 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Kelantan.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023



2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Kelantan mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM502.09 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM450.29 juta, bersamaan dengan 89.7 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM51.8 juta (10.3%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Kelantan, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM498.70 juta atau 99.3 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM3.39 juta, bersamaan dengan 0.7 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM450.29 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM3.392 juta atau 99.2 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM446.89 juta, iaitu bersamaan 0.8 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.


Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM51.80 juta, yang sepenuhnya diperolehi daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ini membuktikan bahawa aktiviti tersebut merupakan satu-satunya sumber kepada nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Kelantan, 2023



2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Bachok dengan nilai jualan sebanyak RM156.14 juta (31.1%), Pasir Puteh diikuti oleh sebanyak RM139.44 juta (27.8%) dan Tumpat RM107.03 juta (21.3%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang lebih daripada 80 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



MELAKA


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN MELAKA

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Melaka secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 768 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 1,978 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 1,974 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM49.80 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Melaka, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN MELAKA

Secara keseluruhannya, 768 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Melaka yang merangkumi 762 pegangan pertanian individu dan enam pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 702 orang atau 92.1 peratus, manakala baki 60 orang (7.9%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, kesemua enam pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Melaka, 2023



2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.9 peratus atau 761 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seorang yang mewakili 0.1 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Melaka Tengah merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 302 orang, diikuti oleh Alor Gajah seramai 237 orang dan Jasin (222 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan menunjukkan Alor Gajah merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan seorang. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Melaka didominasi oleh lelaki.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Melaka, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas yang merekodkan 346 orang atau 45.4 peratus. Kumpulan yang berada dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun merekodkan 270 orang (35.4%) manakala mereka yang berada dalam kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun menyumbang seramai 126 orang (16.5%). Secara keseluruhan, lebih 80 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Melaka, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Melaka memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 762 orang (100.0%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 84.1 peratus atau 641 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 89 orang (11.7%), diikuti oleh etnik Lain-lain dengan 32 orang (4.2%). Pegangan pertanian individu Melaka dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Melaka, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 702 orang atau 92.1 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 60 orang atau 7.9 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 702 orang (100.0%), manakala tiada aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Melaka Tengah merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 294 orang (41.9%), manakala Alor Gajah bagi zon darat, dengan 32 orang, menyumbang 53.3 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil bertaraf rendah, iaitu seramai 464 orang (60.9%). Seterusnya, seramai 196 orang (25.7%) memiliki sijil bertaraf menengah, manakala 83 orang (10.9%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan. Sementara itu, hanya 19 orang (2.5%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Melaka, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Melaka, berjumlah 617 orang atau 81.0 peratus daripada keseluruhan. Sementara itu, 96 orang (12.6%) tergolong dalam kategori balu atau duda manakala 46 orang (6.0%) terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin. Kategori seterusnya terdiri daripada individu dalam kategori bercerai atau berpisah seramai tiga orang (0.4%). Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Melaka, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Kesemua pertubuhan, iaitu sebanyak enam pertubuhan atau 100.0 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut hanya tertumpu kepada perikanan laut pantai dengan merekodkan enam pertubuhan (100.0%) manakala tiada pertubuhan yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut dalam.

Paparan 8: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023




2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Melaka mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 1,978 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 1,953 tan metrik, bersamaan 98.7 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 26 tan metrik (1.3%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Melaka, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 1,944 tan metrik, bersamaan 98.3 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 34 tan metrik atau hanya 1.7 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Melaka menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 1,953 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 1,919 tan metrik, iaitu 98.3 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 34 tan metrik, mewakili 1.7 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.

Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 26 tan metrik. Jumlah tersebut merupakan penyumbang tunggal kepada Perikanan tangkapan laut, manakala Perikanan tangkapan darat tidak mempunyai sumbangan. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Melaka ialah Melaka Tengah dengan jumlah pengeluaran 904 tan metrik (45.7%), diikuti oleh Alor Gajah (645 tan metrik, 32.6%), Jasin (429 tan metrik, 21.7%).

Paparan 13: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023



2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Melaka merekodkan sebanyak 1,974 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 1,948 tan metrik, iaitu sebanyak 98.7 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 26 tan metrik (1.3%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Melaka didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Melaka, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 1,941 tan metrik iaitu 98.3 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 33 tan metrik (1.7%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 15: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 1,948 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 1,915 tan metrik, mewakili 98.3 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 33 tan metrik atau 1.7 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Melaka didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.

Paparan 16: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 26 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang tunggal manakala tiada sumbangan daripada hasil Perikanan tangkapan darat. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang utama kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 17: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Melaka Tengah dengan 903 tan metrik (45.7%), diikuti oleh Alor Gajah (644 tan metrik, 32.6%) dan Jasin (427 tan metrik, 21.7%).

Paparan 18: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023




2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Melaka mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM49.80 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM48.93 juta, bersamaan dengan 98.3 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM0.87 juta (1.7%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 19: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Melaka, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM48.96 juta atau 98.3 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM0.83 juta, bersamaan dengan 1.7 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM48.93 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM48.1 juta atau 98.3 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM0.83 juta, iaitu bersamaan 1.7 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM0.87 juta, yang sepenuhnya diperoleh daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ini membuktikan bahawa aktiviti tersebut merupakan satu-satunya sumber kepada nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 22: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Melaka, 2023




2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran Melaka direkodkan oleh Melaka Tengah dengan nilai jualan sebanyak RM22.24 juta (44.7%), diikuti oleh Alor Gajah sebanyak RM15.81 juta (31.7%), Jasin RM11.74 juta (23.6%).

Paparan 23: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



NEGERI SEMBILAN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN NEGERI SEMBILAN

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Negeri Sembilan secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 477 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 554 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 554 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM9.19 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Negeri Sembilan, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN NEGERI SEMBILAN

Secara keseluruhannya, 477 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Negeri Sembilan yang merangkumi 477 pegangan pertanian individu dan tiada pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 388 orang atau 81.3 peratus, manakala baki 89 orang (18.7%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, tiada pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Negeri Sembilan, 2023



2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.6 peratus atau 475 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan sebanyak dua orang yang mewakili 0.4 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Port Dickson merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu sebanyak 397 orang, diikuti oleh Rembau seramai 36 orang dan Seremban (21 orang). Seterusnya, pegangan pertanian perempuan di Port Dickson dan Rembau masing-masing merekodkan seorang pegangan pertanian. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Negeri Sembilan didominasi oleh lelaki, dengan Port Dickson, Rembau dan Seremban muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Negeri Sembilan, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 60 tahun dan ke atas yang merekodkan 231 orang atau 48.4 peratus. Kumpulan umur antara 46 hingga 59 tahun merekodkan 153 orang (32.1%), manakala mereka yang berumur antara 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 82 orang (17.2%). Secara keseluruhan, hampir semua penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Negeri Sembilan, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, keseluruhan pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan di Negeri Sembilan merupakan warganegara Malaysia, iaitu seramai 477 orang. Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 68.3 peratus atau 326 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 120 orang (25.2%), diikuti oleh etnik India dan etnik Lain-lain yang masing-masing merekodkan 30 orang (6.3%) dan seorang (0.2%). Pegangan pertanian individu Negeri Sembilan dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Negeri Sembilan, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 388 orang atau 81.3 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 89 orang atau 18.7 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian secara keseluruhannya tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 388 orang, manakala tiada aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Port Dickson merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 385 orang (99.2%), manakala Rembau bagi zon darat, dengan 35 orang, menyumbang 39.3 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Negeri Sembilan, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil taraf rendah, iaitu seramai 187 orang (39.2%). Seterusnya, seramai 146 orang (30.6%) memiliki sijil bertaraf menengah, manakala 129 orang (27.0%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan. Sementara itu, hanya 15 orang (3.1%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Negeri Sembilan, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Negeri Sembilan, berjumlah 342 orang atau 71.7 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 67 orang (14.0%). Sementara itu, 59 orang (12.4%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala sembilan orang (1.9%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Negeri Sembilan, 2023



2.3. KUANTITI PENGELUARAN

2.3.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Negeri Sembilan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 554 tan metrik. Keseluruhan jumlah pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 554 tan metrik, manakala tiada pengeluaran direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 7: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Negeri Sembilan, 2023



2.3.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 498 tan metrik, bersamaan 89.8 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 56 tan metrik atau hanya 10.2 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.

Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Negeri Sembilan, 2023




2.3.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Negeri Sembilan menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 554 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 498 tan metrik, iaitu 89.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara

itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 56 tan metrik, mewakili 10.2 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.

Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Negeri Sembilan, 2023



2.3.4. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Negeri Sembilan ialah Port Dickson dengan jumlah pengeluaran 506 tan metrik (91.3%), diikuti oleh Rembau (19 tan metrik, 3.4%) dan Seremban (15 tan metrik, 2.7%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 10: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023



2.4. KUANTITI JUALAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Negeri Sembilan merekodkan sebanyak 554 tan metrik. Keseluruhan jumlah kuantiti jualan ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 554 tan metrik, manakala tiada kuantiti jualan direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 11: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Negeri Sembilan, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 498 tan metrik iaitu 89.8 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 56 tan metrik (10.2%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 12: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, Negeri Sembilan, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 554 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 498 tan metrik, mewakili 89.8 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 56 tan metrik atau 10.2 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Negeri Sembilan didominasi oleh hasil Perikanan tangkapan laut.

Paparan 13: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Negeri Sembilan, 2023



2.4.4. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Port Dickson dengan 506 tan metrik (91.3%), diikuti oleh Rembau (19 tan metrik, 3.4%) dan Seremban (15 tan metrik, 2.7%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang hampir keseluruhan jumlah kuantiti jualan di Negeri Sembilan.

Paparan 14: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023




2.5. NILAI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Negeri Sembilan mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM9.19 juta. Keseluruhan nilai jualan disumbangkan daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM9.19 juta manakala tiada nilai jualan direkodkan bagi pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 15: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Negeri Sembilan, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon Perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM8.21 juta atau 89.4 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM0.98 juta, bersamaan dengan 10.6 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 16: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Negeri Sembilan, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM9.19 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM8.21 juta atau 89.4 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM0.98 juta, iaitu bersamaan 10.6 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 17: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Negeri Sembilan, 2023



2.5.4. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Port Dickson dengan nilai jualan sebanyak RM8.27 juta (90.1%), diikuti oleh Rembau sebanyak RM0.48 juta (5.2%) dan Seremban sebanyak RM0.24 juta (2.6%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang hampir keseluruhan jumlah nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 18: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PAHANG


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN PAHANG

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Pahang secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 3,398 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 100,932 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 100,433 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM909.25 juta.

Papan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Pahang, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN PAHANG

Secara keseluruhannya, 3,398 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Pahang yang merangkumi 3,354 pegangan pertanian individu dan 44 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 1,529 orang atau 45.6 peratus, manakala baki 1,825 orang (54.4%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, majoriti 43 pertubuhan (97.7%) terlibat dalam aktiviti tangkapan Perikanan laut, manakala selebihnya (1 pertubuhan, 2.3%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan darat.

Papan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Pahang, 2023



2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 98.4 peratus atau 3,299 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan sebanyak 55 orang yang mewakili 1.6 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Pekan merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu sebanyak 1,118 orang, diikuti oleh Kuantan seramai 775 orang dan Rompin (410 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan turut menunjukkan Pekan merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 27 orang, diikuti Bera dengan 13 orang dan Rompin dengan 9 orang. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Pahang didominasi oleh lelaki, dengan Pekan, Kuantan, dan Rompin muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Pahang, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 1,237 orang atau 36.9 peratus. Kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun merekodkan 1,119 orang (33.4%), manakala mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas pula menyumbang seramai 867 orang (25.8%). Secara keseluruhan, 70 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 31 hingga 59 tahun, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Pahang, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Pahang memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 3,349 orang (99.9%) berbanding bukan warganegara (5 orang, 0.1%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 95.0 peratus atau 3,182 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 131 orang (3.9%), diikuti oleh etnik Lain-lain merekodkan 36 orang (1.1%). Pegangan pertanian individu Pahang dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Pahang, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 1,529 orang atau 45.6 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 1,825 orang atau 54.4 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu sebanyak 1,510 orang (98.8%), manakala 19 orang atau 1.2 peratus direkodkan bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Kuantan merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 546 orang (35.7%), manakala Pekan bagi zon darat, dengan 656 orang, menyumbang 35.9 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil bertaraf menengah, iaitu seramai 1,218 orang (36.3%). Seterusnya, seramai 1,047 orang (31.2%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, manakala 1,044 orang (31.1%) memiliki sijil taraf rendah. Sementara itu, hanya 45 orang (1.3%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Pahang, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Pahang, berjumlah 2,754 orang atau 82.1 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 313 orang (9.3%). Sementara itu, 278 orang (8.3%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala sembilan orang (0.3%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Pahang, 2023




2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Majoriti pertubuhan, iaitu sebanyak 43 pertubuhan atau 97.7 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Selebihnya iaitu satu pertubuhan menjalankan kegiatan di zon darat atau hanya 2.3 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut pantai dengan merekodkan 42 pertubuhan (97.7%) berbanding satu pertubuhan (2.3%) yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut dalam. Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Pahang mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 100,932 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 81,604 tan metrik, bersamaan 80.9 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 19,328 tan metrik (19.1%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 99,386 tan metrik, bersamaan 98.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 1,546 tan metrik atau hanya 1.5 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Pahang menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 81,604 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 80,060 tan metrik, iaitu 98.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 1,544 tan metrik, mewakili 1.9 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 19,328 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dengan 19,326 tan metrik atau 100.0 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang 2 tan metrik, iaitu 0.0 peratus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Pahang ialah Kuantan dengan jumlah pengeluaran 59,848 tan metrik (59.3%), diikuti oleh Rompin (26,798 tan metrik, 26.6%), Pekan (13,030 tan metrik, 12.9%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah pengeluaran keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Pahang merekodkan sebanyak 100,433 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 81,105 tan metrik, iaitu sebanyak 80.8 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 19,328 tan metrik (19.2%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Pahang didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 98,996 tan metrik iaitu 98.6 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 1,437 tan metrik (1.4%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan Pahang, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 81,105 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 79,670 tan metrik, mewakili 98.2 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 1,435 tan metrik atau 1.8 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Pahang didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 19,328 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 19,326 tan metrik (100.0%) adalah daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala 2 tan metrik (0.0%) merupakan hasil Perikanan tangkapan darat. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang utama kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 16: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu daerah Kuantan dengan 59,684 tan metrik (59.4%), Rompin (26,651 tan metrik, 26.5%) dan Pekan (12,935 tan metrik, 12.9%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang hampir keseluruhan 100 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Pahang.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023




2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Pahang mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM909.25 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM780.17 juta, bersamaan dengan 85.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM129.08 juta (14.2%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM864.33 juta atau 95.1 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM44.91 juta, bersamaan dengan 4.9 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM780.17 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM735.28 juta atau 94.2 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM44.89 juta, iaitu bersamaan 5.8 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM129.08 juta, dengan majoritinya daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut sebanyak RM129.05 juta (100.0%), sementara selebihnya (RM0.02 juta, 0.0%) adalah aktiviti Perikanan tangkapan darat. Nilai jualan ini menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dalam nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Pahang, 2023



2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Kuantan dengan nilai jualan sebanyak RM403.58 juta (44.4%), Pekan diikuti oleh sebanyak RM249.30 juta (27.4%), Rompin RM221.61 juta (24.4%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang melebihi 90 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PULAU PINANG


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN PULAU PINANG

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Pulau Pinang secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 2,429 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 33,573 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 32,773 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM529.80 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Pulau Pinang, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN PULAU PINANG

Secara keseluruhannya, 2,429 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Pulau Pinang yang merangkumi 2,427 pegangan pertanian individu dan 2 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 2,093 orang atau 86.2 peratus, manakala baki 334 orang (13.8%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, majoriti 2 pertubuhan (100.0%) terlibat dalam aktiviti tangkapan Perikanan laut, manakala selebihnya (0 pertubuhan, 0.0%) terlibat dalam Perikanan tangkapan darat.

**Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan,
Pulau Pinang, 2023**




2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.8 peratus atau 2,422 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan sebanyak 5 orang yang mewakili 0.2 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Barat Daya merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu sebanyak 717 orang, diikuti oleh Seberang Perai Selatan seramai 607 orang dan Seberang Perai Utara (534 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan menunjukkan Seberang Perai Selatan dan Timur Laut merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 2 orang, diikuti Barat Daya dengan merekodkan hanya seorang sahaja. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Pulau Pinang didominasi oleh lelaki, dengan Barat Daya, Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi keseluruhan.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Pulau Pinang, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 968 orang atau 39.9 peratus. Kumpulan umur berumur 60 tahun dan ke atas merekodkan 859 orang (35.4%), manakala mereka yang berumur antara 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 527 orang (21.7%). Secara keseluruhan, hampir 80 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Pulau Pinang, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, keseluruhan pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan di Pulau Pinang merupakan warganegara Malaysia, iaitu seramai 2,427 orang (100.0%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 68.7 peratus atau 1,667 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 739 orang (30.4%), diikuti oleh etnik India yang merekodkan 21 orang (0.9%). Pegangan pertanian individu Pulau Pinang dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Pulau Pinang, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 2,093 orang atau 86.2 peratus, terlibat dalam aktiviti tangkapan Perikanan di zon laut. Sementara itu, seramai 334 orang atau 13.8 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu sebanyak 2,093 orang (100.0%), manakala tiada aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Barat Daya merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 717 orang (99.9%), manakala Seberang Perai Utara bagi zon darat, dengan 206 orang, menyumbang 38.6 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang hanya memiliki sijil taraf rendah, iaitu seramai 1,012 orang (41.7%). Seterusnya, seramai 872 orang (35.9%) memiliki sijil bertaraf menengah, manakala 503 orang (20.7%) tidak memiliki sijil. Sementara itu, hanya 40 orang (1.6%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran rendah dan sederhana.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Pulau Pinang, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Pulau Pinang, berjumlah 1,680 orang atau 69.2 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 425 orang (17.5%). Sementara itu, 264 orang (10.9%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 58 orang (2.4%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Pulau Pinang, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Kesemua pertubuhan, iaitu sebanyak 2 pertubuhan atau 100.0 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Selebihnya tiada pertubuhan menjalankan kegiatan di zon darat. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut hanya tertumpu kepada perikanan laut dalam dengan merekodkan 2 pertubuhan (100.0%) dan tiada pertubuhan yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut pantai. Keseluruhan pertubuhan menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding di kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 8: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Pulau Pinang mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 33,573 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 33,450 tan metrik, bersamaan 99.6 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 123 tan metrik (0.4%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan negara, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Pulau Pinang, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 33,287 tan metrik, bersamaan 99.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 286 tan metrik atau hanya 0.9 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Pulau Pinang menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 33,450 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 33,164 tan metrik, iaitu 99.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 286 tan metrik, mewakili 0.9 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 123 tan metrik. Jumlah tersebut merupakan penyumbang tunggal kepada Perikanan tangkapan laut, manakala Perikanan tangkapan darat tidak mempunyai sumbangan. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.

Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Pulau Pinang ialah Barat Daya dengan jumlah pengeluaran 14,979 tan metrik (44.6%), diikuti oleh Seberang Perai Utara (6,813 tan metrik, 20.3%), Seberang Perai Selatan (5,283 tan metrik, 15.7%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah pengeluaran keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 13: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Pulau Pinang merekodkan sebanyak 32,773 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 32,650 tan metrik, iaitu sebanyak 99.6 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 123 tan metrik (0.4%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Pulau Pinang didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Pulau Pinang, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 32,487 tan metrik iaitu 99.1 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 286 tan metrik (0.9%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.

Paparan 15: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 32,650 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 32,364 tan metrik, mewakili 99.1 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 286 tan metrik atau 0.9 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Pulau Pinang didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 16: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 123 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang tunggal manakala tiada sumbangan daripada hasil Perikanan tangkapan darat. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang tunggal kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 17: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu daerah Barat Daya dengan 14,979 tan metrik (45.7%), diikuti oleh Seberang Perai Utara (6,013 tan metrik, 18.3%) dan Seberang Perai Selatan (5,283 tan metrik, 16.1%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang lebih 80 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Pulau Pinang.

Paparan 18: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023



2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Pulau Pinang mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM529.80 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM526.50 juta, bersamaan dengan 99.4 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM3.30 juta (0.6%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 19: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Pulau Pinang, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM523.46 juta atau 98.8 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM6.34 juta, bersamaan dengan 1.2 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.

Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM526.50 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM520.20 juta atau 98.8 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM6.34 juta, iaitu bersamaan 1.2 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 21: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM3.30 juta, dengan kesemuanya daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut sementara tiada sumbangan daripada perikanan tangkapan darat. Nilai jualan ini menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang tunggal dalam nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 22: Nilai Jualan Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Pulau Pinang, 2023



2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Barat Daya dengan nilai jualan sebanyak RM203.25 juta (38.4%), Seberang Perai Utara diikuti oleh sebanyak RM105.84 juta (20.0%), Timur Laut RM99.58 juta (18.8%). Gabungan tiga daerah utama ini menghampiri 80 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 23: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PERAK


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN PERAK

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Perak secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 5,834 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 298,596 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 298,444 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM2,364.00 juta, sekali gus mencerminkan kekukuhan sektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi negara serta memastikan kelestarian sumber makanan laut untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Perak, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN PERAK

Secara keseluruhannya, 5,834 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Perak yang merangkumi 5,684 pegangan pertanian individu dan 150 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 4,579 orang atau 80.6 peratus, manakala baki 1,105 orang (19.4%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, kesemua 150 pertubuhan terlibat dalam aktiviti tangkapan Perikanan laut, manakala tiada pertubuhan terlibat dalam Perikanan tangkapan darat.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Perak, 2023



2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.0 peratus atau 5,630 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 54 orang yang mewakili 1.0 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Manjung merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 1,551 orang, diikuti oleh Kerian seramai 1,218 orang dan Bagan Datuk (917 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan turut menunjukkan Manjung merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 24 orang, diikuti Kerian dengan lapan orang dan Kuala Kangsar (7 orang). Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Perak didominasi oleh lelaki, dengan Manjung, Kerian dan Bagan Datuk muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Perak, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 2,172 orang atau 38.2 peratus. Kumpulan umur 60 tahun dan ke atas merekodkan 1,849 orang (32.5%), manakala mereka yang berumur antara 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 1,351 orang (23.8%). Secara keseluruhan, lebih 70 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Perak, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Perak memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 5,653 orang (99.5%) berbanding bukan warganegara (31 orang, 0.5%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 55.3 peratus atau 3,126 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 2,453 orang (43.4%), diikuti oleh etnik India dan etnik Lain-lain yang masing-masing merekodkan 68 orang (1.2%) dan 6 orang (0.1%). Pegangan pertanian individu Perak dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Perak, 2023



2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 4,579 orang atau 80.6 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 1,105 orang atau 19.4 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 4,516 orang (98.6%), manakala 63 orang (1.4%) direkodkan bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Manjung merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 1,573 orang (34.4%), manakala Hulu Perak bagi zon darat dengan 450 orang, menyumbang 40.7 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil bertaraf menengah, iaitu seramai 2,556 orang (45.0%). Seterusnya, seramai 2,496 orang (43.9%) memiliki sijil taraf rendah, manakala 593 orang (10.4%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan. Sementara itu, hanya 39 orang (0.7%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perak, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Perak, berjumlah 4,307 orang atau 75.8 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 1,022 orang (18.0%). Sementara itu, 319 orang (5.6%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 36 orang (0.6%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Perak, 2023




2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Kesemua pertubuhan, iaitu sebanyak 150 pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut pantai dengan merekodkan 139 pertubuhan (92.7%) berbanding 11 pertubuhan (7.3%) yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut dalam. Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023




2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Perak mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 298,596 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 231,406 tan metrik, bersamaan 77.5 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 67,190 tan metrik (22.5%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 295,224 tan metrik, bersamaan 98.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 3,372 tan metrik atau hanya 1.1 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Perak menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 231,406 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 228,034 tan metrik, iaitu 98.5 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 3,372 tan metrik, mewakili 1.5 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 67,190 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama bagi kuantiti pengeluaran di Perak. Ringkasnya, keseluruhan pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan bergantung kepada sumber laut.

Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023




2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Perak ialah Bagan Datuk dengan jumlah pengeluaran 125,363 tan metrik (42.0%), diikuti oleh Manjung (86,666 tan metrik, 29.0%) dan Larut & Matang (59,487 tan metrik, 19.9%).

Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah pengeluaran keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Perak merekodkan sebanyak 298,444 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 231,406 tan metrik, iaitu sebanyak 77.5 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 67,039 tan metrik (22.5%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Perak didominasi oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023




Nota. Jumlah mungkin berbeza kerana pembundaran

2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 295,072 tan metrik iaitu 98.9 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 3,372 tan metrik (1.1%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 231,406 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 228,034 tan metrik, mewakili 98.5 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 3,372 tan metrik atau 1.5 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Perak didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 67,039 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama bagi kuantiti jualan di Perak. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang utama kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Bagan Datuk dengan 125,243 tan metrik (42.0%) diikuti oleh Manjung dengan 86,666 tan metrik (29.0%) dan Larut & Matang (59,480 tan metrik, 19.9%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang hampir keseluruhan jumlah kuantiti jualan di Perak.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023




2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Perak mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM2,364.00 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM1,823.06 juta, bersamaan dengan 77.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM540.94 juta (22.9%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM2,315.22 juta atau 97.9 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM48.78 juta, bersamaan dengan 2.1 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM1,823.06 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperoleh melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM1,774.28 juta atau 97.3 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM48.78 juta, iaitu bersamaan 2.7 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.


Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM540.94 juta, hasil keseluruhannya daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Nilai jualan ini menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dalam nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Perak, 2023



2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Bagan Datuk dengan nilai jualan sebanyak RM823.82 juta (34.8%), Manjung diikuti oleh sebanyak RM800.14 juta (33.8%) dan Larut & Matang sebanyak RM473.87 juta (20.0%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang lebih daripada 85 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PERLIS


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN PERLIS

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Perlis secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 445 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 27,616 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 27,545 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM159.61 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN PERLIS

Secara keseluruhannya, 445 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Perlis yang merangkumi 427 pegangan pertanian individu dan 18 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 413 orang atau 96.7 peratus, manakala baki 14 orang (3.3%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, majoriti 18 pertubuhan (100.0%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023




2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.8 peratus atau 426 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seorang yang mewakili 0.2 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Perlis didominasi oleh lelaki.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Perlis, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 168 orang atau 39.3 peratus. Kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun merekodkan 98 orang (23.0%), manakala mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas pula menyumbang seramai 144 orang (33.7%). Secara keseluruhan, lebih 70 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Perlis, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Perlis memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 427 orang (100.0%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 93.2 peratus atau 398 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 27 orang (6.3%), diikuti oleh etnik Lain-lain yang merekodkan dua orang (0.5%). Pegangan pertanian individu Perlis dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Perlis, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 413 orang atau 96.7 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 14 orang atau 3.3 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 412 orang (99.8%), manakala bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam hanya seorang (0.2%).


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil taraf rendah, iaitu seramai 192 orang (45.0%). Seterusnya, seramai 150 orang (35.1%) memiliki sijil bertaraf menengah, manakala 83 orang (19.4%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan. Sementara itu, hanya dua orang (0.5%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perlis, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Perlis, berjumlah 354 orang atau 82.9 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 48 orang (11.2%). Sementara itu, 23 orang (5.4%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala dua orang (0.5%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Perlis, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Kesemua pertubuhan, iaitu sebanyak 18 pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut pantai dengan merekodkan 17 pertubuhan (94.4%) berbanding satu pertubuhan (5.6%) yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut dalam. Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Perlis mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 27,616 tan metrik. Dari segi komposisi pegangan pertanian, kedua-duanya menyumbangkan peratusan yang hampir sama. Pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 13,865 tan metrik, bersamaan 50.2 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 13,750 tan metrik (49.8%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Perlis, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 27,485 tan metrik, bersamaan 99.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 130 tan metrik atau hanya 0.5 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Perlis menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 13,865 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 13,735 tan metrik, iaitu 99.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 130 tan metrik, mewakili 0.9 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 13,750 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan satu-satunya penyumbang dengan 13,750 tan metrik atau 100.0 peratus, manakala tiada Perikanan tangkapan darat di Perlis. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.

Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Perlis merekodkan sebanyak 27,545 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 13,794 tan metrik, iaitu sebanyak 50.1 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 13,750 tan metrik (49.9%). Dari segi komposisi pegangan pertanian, kedua-duanya menyumbangkan peratusan yang hampir sama. Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Perlis.


Paparan 12: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Perlis, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 27,485 tan metrik iaitu 99.8 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 59 tan metrik (0.2%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 13,794 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 13,735 tan metrik, mewakili 99.6 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 59 tan metrik atau 0.4 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Perlis didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 14: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 13,750 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, keseluruhan 13,750 tan metrik (100.0%) adalah daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala tiada hasil Perikanan tangkapan darat di Perlis. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut satu-satunya penyumbang kepada kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 15: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023




2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Perlis mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM159.61 juta. Nilai jualan daripada pegangan pertanian pertubuhan sebanyak RM88.29 juta, bersamaan dengan 55.3 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian individu merekodkan nilai jualan sebanyak RM71.32 juta (44.7%). Ini menunjukkan bahawa kedua-dua nilai jualan mengikut pegangan pertanian menyumbang peratusan yang hampir sama.


Paparan 16: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Perlis, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM158.88 juta atau 99.5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM0.72 juta, bersamaan dengan 0.5 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 17: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM71.32 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM70.59 juta atau 99.0 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM0.72 juta, iaitu bersamaan 1.0 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 18: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM88.29 juta, yang sepenuhnya diperolehi daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ini membuktikan bahawa aktiviti tersebut merupakan satu-satunya sumber kepada nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Perlis, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SELANGOR


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN SELANGOR

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Selangor secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 2,375 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 106,915 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 105,697 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM1,390.68 juta, sekali gus mencerminkan kekukuhan sektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi negara serta memastikan kelestarian sumber makanan laut untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Selangor, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN SELANGOR

Secara keseluruhannya, 2,375 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Selangor yang merangkumi 2,365 pegangan pertanian individu dan 10 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 2,293 orang atau 97.0 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala baki 72 orang (3.0%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, kesemua 10 pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut, dan tiada penglibatan dalam Perikanan tangkapan darat.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Selangor, 2023




2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.0 peratus atau seramai 2,341 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 24 orang yang mewakili 1.0 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Sabak Bernam merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 834 orang, diikuti oleh Klang seramai 720 orang dan Kuala Langat (398 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian Perempuan menunjukkan Kuala Langat merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 10 orang, diikuti Klang dengan 8 orang dan Sabak Bernam dengan 4 orang. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Selangor didominasi oleh lelaki, dengan Sabak Bernam, Klang, dan Kuala Langat muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Selangor, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 964 orang atau 40.8 peratus. Kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun merekodkan 641 orang (27.1%), manakala mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas pula menyumbang seramai 639 orang (27.0%). Secara keseluruhan, hampir 70 (67.8) peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Selangor, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Selangor memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 2,322 orang (98.2%) berbanding bukan warganegara 43 orang, (1.8%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 59.3 peratus atau 1,377 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 831 orang (35.8%), diikuti oleh etnik Lain-lain dan etnik India yang masing-masing merekodkan 70 orang (3.0%) dan 86 orang (3.7%). Pegangan pertanian individu Selangor dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Selangor, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 2,293 orang atau 97.0 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 72 orang atau 3.0 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 2,293 orang (100.0%), manakala tiada aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Sabak Bernam merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 799 orang (34.8%), manakala Sabak Bernam juga bagi zon darat, dengan 39 orang, menyumbang 54.2% peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil bertaraf rendah, iaitu seramai 849 orang (35.9%). Seterusnya, seramai 745 orang (31.5%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, manakala 718 orang (30.4%) memiliki sijil taraf menengah. Sementara itu, hanya 53 orang (2.2%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiani. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Selangor, berjumlah 1,947 orang atau 82.3 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 250 orang (10.6%). Sementara itu, 143 orang (6.0%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 25 orang (1.1%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Kesemua pertubuhan, iaitu sebanyak 10 pertubuhan atau 100.0 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Selebihnya tiada pertubuhan menjalankan kegiatan di zon darat. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut hanya tertumpu dalam Perikanan laut pantai dengan merekodkan 10 pertubuhan (100.0%) dan tiada pertubuhan yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut dalam. Keseluruhan pertubuhan menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding di kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Selangor mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 106,915 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 105,513 tan metrik, bersamaan 98.7 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 1,402 tan metrik (1.3%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan negeri, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Selangor, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negeri dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 106,832 tan metrik, bersamaan 99.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 83 tan metrik atau hanya 0.1 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan pegangan bagi pertanian individu di Selangor menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 105,513 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 105,430 tan metrik, iaitu 99.9 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 83 tan metrik, mewakili 0.1 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.

Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 1,402 tan metrik. Jumlah tersebut merupakan penyumbang tunggal kepada Perikanan tangkapan laut, manakala Perikanan tangkapan darat tidak mempunyai sumbangan. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Selangor ialah Sabak Bernam dengan jumlah pengeluaran 65,362 tan metrik (61.1%), diikuti oleh Klang (21,411 tan metrik, 20.0%), Kuala Langat (12,467 tan metrik, 11.7%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah pengeluaran keseluruhan.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Selangor merekodkan sebanyak 105,697 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 104,295 tan metrik, iaitu sebanyak 98.7 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 1,402 tan metrik (1.3%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Selangor didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Selangor, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 105,614 tan metrik iaitu 99.9 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 83 tan metrik (0.1%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan Selangor, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 104,295 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 104,212 tan metrik, mewakili 99.9 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 83 tan metrik atau 0.1 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Selangor didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.

Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 1,402 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang tunggal manakala tiada sumbangan daripada hasil Perikanan tangkapan darat. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang tunggal kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Sabak Bernam mencatatkan jumlah tertinggi dengan 64,613 tan metrik (61.1%), diikuti oleh Klang (20,949 tan metrik, 19.8%) dan Kuala Langat (12,467 tan metrik, 11.8%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang melebihi 90 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Selangor.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023




2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Selangor mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM1,390.68 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM1,375.30 juta, bersamaan dengan 98.9 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM15.4 juta (1.1%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Selangor, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon operasi menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM1,389.19 juta atau 99.9 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM1.49 juta, bersamaan dengan 0.1 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.


Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM1,375.30 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM1,373.81 juta atau 99.9 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM1.49 juta, iaitu bersamaan 0.1 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM15.38 juta, dengan kesemuanya daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut sementara tiada sumbangan daripada Perikanan tangkapan darat. Nilai jualan ini menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang tunggal dalam nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Selangor, 2023




2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Sabak Bernam dengan nilai jualan sebanyak RM707.62 juta (50.9%), diikuti oleh Klang sebanyak RM350.08 juta (25.2%), dan Kuala Langat RM204.70 juta (14.7%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang lebih daripada 90 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



TERENGGANU


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN TERENGGANU

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Terengganu secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 3,013 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 41,894 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 29,222 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM438.89 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Terengganu, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN TERENGGANU

Secara keseluruhannya, 3,013 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Terengganu yang merangkumi 3,001 pegangan pertanian individu dan 12 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 2,874 orang atau 95.8 peratus, manakala baki 127 orang (4.2%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, majoriti 11 pertubuhan (91.7%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala selebihnya (1 pertubuhan, 8.3%) terlibat dalam Perikanan tangkapan darat.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Terengganu, 2023



2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.7 peratus atau 2,993 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai lapan orang yang mewakili 0.3 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Kemaman merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 602 orang, diikuti oleh Kuala Nerus seramai 554 orang dan Marang (432 orang). Seterusnya, pegangan pertanian perempuan teratas menunjukkan Marang dengan bilangan rekod tiga orang, diikuti Besut dengan dua orang. Dungun, Setiu dan Kuala Nerus pula merekodkan pegangan pertanian bagi perempuan dengan masing-masing berjumlah seorang. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Terengganu didominasi oleh lelaki, dengan Kemaman, Kuala Nerus dan Marang muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Terengganu, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 1,131 orang atau 37.7 peratus. Mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas merekodkan 1,127 orang (37.6%), manakala kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 660 orang (22.0%). Secara keseluruhan, lebih 75 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Terengganu, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, keseluruhan pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan di Terengganu merupakan warganegara Malaysia, iaitu seramai 3,001 orang (100.0%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 99.8 peratus atau 2,996 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan empat orang (0.1%), diikuti oleh etnik Lain-lain merekodkan seorang (0.1%). Pegangan pertanian individu Terengganu dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Terengganu, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 2,874 orang atau 95.8 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 127 orang atau 4.2 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 2,868 orang (99.8%), manakala seramai 6 orang (0.2%) direkodkan bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Kemaman merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 586 orang (20.4%), manakala Dungun bagi zon darat, dengan 36 orang, menyumbang 28.3 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil bertaraf menengah, iaitu seramai 1,537 orang (51.2%). Seterusnya, seramai 914 orang (30.5%) memiliki sijil taraf rendah, manakala 452 orang (15.1%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan. Sementara itu, hanya 98 orang (3.3%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Terengganu, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Terengganu, berjumlah 2,349 orang atau 78.3 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 350 orang (11.7%). Sementara itu, 277 orang (9.2%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 25 orang (0.8%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Terengganu, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Majoriti pertubuhan, iaitu sebanyak 11 pertubuhan atau 91.7 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Selebihnya iaitu satu pertubuhan menjalankan kegiatan di zon darat atau hanya 8.3 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut pantai dengan merekodkan sembilan pertubuhan (81.8%) berbanding dua pertubuhan (18.2%) yang mengusahakan aktiviti di kawasan laut dalam. Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Terengganu mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 41,894 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 38,692 tan metrik, bersamaan 92.4 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 3,202 tan metrik (7.6%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023



2.4.2.Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 41,653 tan metrik, bersamaan 99.4 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 241 tan metrik atau hanya 0.6 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.4.3.Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Terengganu menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 38,692 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 38,474 tan metrik, iaitu 99.4 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 218 tan metrik, mewakili 0.6 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 3,202 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dengan 3,179 tan metrik atau 99.3 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang 23 tan metrik, iaitu 0.7 peratus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan hampir keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Terengganu ialah Kemaman dengan jumlah pengeluaran 17,428 tan metrik (41.6%), diikuti oleh Besut (6,522 tan metrik, 15.6%) dan Kuala Nerus (4,262 tan metrik, 10.2%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah pengeluaran keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Terengganu merekodkan sebanyak 29,222 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 26,039 tan metrik, iaitu sebanyak 89.1 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 3,183 tan metrik (10.9%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Terengganu didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 28,295 tan metrik iaitu 99.0 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 296 tan metrik (1.0%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 26,039 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 25,766 tan metrik, mewakili 99.0 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 273 tan metrik atau 1.0 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Terengganu didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 3,183 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,159 tan metrik (99.3%) adalah daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala 23 tan metrik (0.7%) merupakan hasil Perikanan tangkapan darat. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang utama kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu daerah Kemaman dengan 6,826 tan metrik (23.4%), diikuti oleh Besut (5,800 tan metrik, 19.8%) dan Dungun (4,202 tan metrik, 14.4%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang lebih separuh daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Terengganu.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Terengganu mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM438.89 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM364.87 juta, bersamaan dengan 83.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM74.02 juta (16.9%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM260.62 juta atau 98.5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM3.85 juta, bersamaan dengan 1.5 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM364.87 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM361.39 juta atau 99.0 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM3.49 juta, iaitu bersamaan 1.0 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.


Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM74.02 juta, dengan majoritinya daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut sebanyak RM73.66 juta (99.5%), sementara selebihnya (RM0.36 juta, 0.5%) adalah aktiviti Perikanan tangkapan darat. Nilai jualan ini menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dalam nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Terengganu, 2023





2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Besut dengan nilai jualan sebanyak RM106.25 juta (24.2%), diikuti oleh Kuala Terengganu sebanyak RM91.30 juta (20.8%), Kemaman RM89.96 juta (20.5%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang lebih 65 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran,
Terengganu, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SABAH

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN SABAH

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Sabah secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 14,903 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 159,058 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 149,994 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM1,484.08 juta, sekali gus mencerminkan kekukuhan sektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi negara serta memastikan kelestarian sumber makanan laut untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN SABAH

Secara keseluruhannya, 14,903 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Sabah yang merangkumi 14,847 pegangan pertanian individu dan 56 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti seramai 14,124 orang atau 95.1 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala baki 723 orang (4.9%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, keseluruhan 56 pertubuhan (100.0%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023




2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 97.7 peratus atau 14,510 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 337 orang yang mewakili 2.3 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Semporna merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 3,527 orang, diikuti oleh Tawau seramai 2,354 orang dan Sandakan (1,817 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan menunjukkan Tawau merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 82 orang, diikuti Semporna dengan 61 orang dan Kudat dengan 37 orang. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Sabah didominasi oleh lelaki, dengan Semporna, Tawau dan Sandakan muncul sebagai daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Sabah 2023



2.2.2.Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 31 hingga 45 tahun yang merekodkan 5,400 orang atau 36.4 peratus. Kumpulan umur antara 46 hingga 59 tahun merekodkan 5,392 orang (36.3%), manakala mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas pula menyumbang seramai 2,444 orang (16.5%). Secara keseluruhan, lebih 70 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 31 tahun hingga 59 tahun, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Sabah, 2023



2.2.3.Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Sabah memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 10,311 orang (69.4%) berbanding bukan warganegara (4,536 orang, 30.6%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 98.0 peratus atau 10,106 orang. Seterusnya, etnik Lain-lain dengan 161 orang (1.6%), diikuti oleh etnik Cina dan etnik India yang masing-masing merekodkan 40 orang (0.4%) dan empat orang (0.0%). Pegangan pertanian individu Sabah dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Sabah, 2023




2.2.4.Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 14,124 orang atau 95.1 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 723 orang atau 4.9 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 13,887 orang (98.3%), manakala 237 orang (1.7%) direkodkan bagi aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Semporna merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 3,580 orang (25.3%), manakala Kinabatangan bagi zon darat, dengan 135 orang, menyumbang 18.7 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.2.5.Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, iaitu seramai 7,889 orang (53.1%). Seterusnya, seramai 4,178 orang (28.1%) memiliki sijil taraf rendah, manakala 2,635 orang (17.7%) yang memiliki sijil bertaraf menengah. Sementara itu, hanya 145 orang (1.0%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.

Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Sabah, 2023



2.2.6.Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Sabah, berjumlah 12,149 orang atau 81.8 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 1,641 orang (11.1%). Sementara itu, 832 orang (5.6%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 225 orang (1.5%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Sabah, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Kesemua pertubuhan, iaitu sebanyak 56 pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut yang sepenuhnya diperoleh daripada aktiviti Perikanan laut pantai. Keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Sabah mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 159,058 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 108,855 tan metrik, bersamaan 68.4 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 50,203 tan metrik (31.6%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Sabah, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 157,703 tan metrik, bersamaan 99.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 1,356 tan metrik atau hanya 0.9 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di Sabah menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 108,855 tan metrik. Majoriti kuantiti ini dihasilkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 107,500 tan metrik, iaitu 98.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 1,356 tan metrik, mewakili 1.2 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.

Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti pengeluaran mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak 50,203 tan metrik, yang sepenuhnya diperoleh daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas yang direkodkan oleh Sabah ialah Kota Kinabalu dengan jumlah pengeluaran 43,250 tan metrik (27.2%), diikuti oleh Semporna (32,612 tan metrik, 20.5%), Kudat (19,665 tan metrik, 12.4%). Tiga daerah pentadbiran ini merekodkan sumbangan yang ketara kepada jumlah pengeluaran keseluruhan.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023



2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Sabah merekodkan sebanyak 149,994 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 99,791 tan metrik, iaitu sebanyak 66.5 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 50,203 tan metrik (33.5%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Sabah didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Sabah, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 148,690 tan metrik iaitu 99.1 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 1,304 tan metrik (0.9%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan Sabah, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 99,791 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 98,487 tan metrik, mewakili 98.7 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 1,304 tan metrik atau 1.3 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Sabah didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 50,203 tan metrik yang sepenuhnya diperoleh daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ini membuktikan bahawa aktiviti tersebut merupakan satu-satunya sumber kepada kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 16: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Kota Kinabalu dengan 43,207 tan metrik (28.8%), diikuti oleh Semporna (31,477 tan metrik, 21.0%) dan Kudat (18,630 tan metrik, 12.4%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini menyumbang lebih 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Sabah.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023



2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Sabah mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM1,484.08 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM1,036.92 juta, bersamaan dengan 69.9 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM447.16 juta (30.1%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Sabah, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM1,462.22 juta atau 98.5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM21.86 juta, bersamaan dengan 1.5 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM1,036.92 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperoleh melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM1,015.06 juta atau 97.9 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM21.86 juta, iaitu bersamaan 2.1 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM447.16 juta, yang sepenuhnya diperoleh daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ini membuktikan bahawa aktiviti tersebut merupakan satu-satunya sumber kepada nilai jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Sabah, 2023



2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Kota Kinabalu dengan nilai jualan sebanyak RM403.71 juta (27.2%), Semporna diikuti oleh sebanyak RM353.55 juta (23.8%) dan Kudat RM171.32 juta (11.5%). Gabungan tiga daerah utama ini menyumbang lebih 60 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SARAWAK


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN SARAWAK

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di Sarawak secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 4,481 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 96,686 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 76,867 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM528.31 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN SARAWAK

Secara keseluruhannya, 4,481 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di Sarawak yang merangkumi 4,465 pegangan pertanian individu dan 16 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 3,390 orang atau 75.9 peratus, manakala baki 1,075 orang (24.1%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, majoriti 15 pertubuhan (93.8%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala selebihnya (1 pertubuhan, 6.3%) terlibat dalam Perikanan tangkapan darat.

Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan, Sarawak, 2023



Nota. Jumlah mungkin berbeza kerana pembundaran


2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 98.5 peratus atau 4,396 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 69 orang yang mewakili 1.5 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Analisis mengikut daerah pentadbiran menunjukkan Daro merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki teratas iaitu seramai 662 orang, diikuti oleh Lawas seramai 615 orang dan Kuching (453 orang). Seterusnya, bagi pegangan pertanian perempuan pula menunjukkan Lawas merekodkan pegangan pertanian teratas bagi perempuan dengan 21 orang, diikuti Kuching, Limbang dan Matu dengan masing-masing 12 orang. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di Sarawak didominasi oleh lelaki, dengan Daro, Lawas dan Kuching muncul sebagai tiga daerah utama yang mencatat bilangan pegangan pertanian individu tertinggi.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Sarawak, 2023



2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 1,958 orang atau 43.9 peratus. Kumpulan umur antara 60 tahun dan ke atas merekodkan 1,438 orang (32.2%), manakala mereka yang berumur 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 968 orang (21.7%). Secara keseluruhan, hampir 80 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.

Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Sarawak, 2023




Nota. Jumlah mungkin berbeza kerana pembundaran

2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di Sarawak memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 4,460 orang (99.9%) berbanding bukan warganegara (5 orang, 0.1%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 98.9 peratus atau 4,411 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 44 orang (1.0%), diikuti oleh etnik Lain-lain merekodkan 5 orang (0.1%). Pegangan pertanian individu Sarawak dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Sarawak, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 3,390 orang atau 75.9 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai 1,075 orang atau 24.1 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu seramai 3,390 orang (100.0%), manakala tiada aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.

Dari segi pengagihan mengikut daerah pentadbiran, Lawas merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas bagi zon laut dengan 604 orang (17.8%), manakala Daro dan Matu bagi zon darat, dengan masing-masing 109 orang, menyumbang 10.1 peratus daripada jumlah keseluruhan zon tersebut.

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023




2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil bertaraf rendah, iaitu

seramai 2,378 orang (77.3%). Seterusnya, seramai 675 orang (21.9%) memiliki sijil taraf menengah, manakala 20 orang (0.7%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Sementara itu, hanya 3 orang (0.1%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran rendah dan sederhana.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Sarawak, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti perikanan tangkapan di Sarawak, berjumlah 3,639 orang atau 81.5 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 509 orang (11.4%). Sementara itu, 248 orang (5.6%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 69 orang (1.5%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Sarawak, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Majoriti pertubuhan, iaitu sebanyak 15 pertubuhan atau 93.8 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Selebihnya iaitu satu pertubuhan menjalankan kegiatan di zon darat atau hanya 6.3 peratus. Keseluruhan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut pantai dengan merekodkan 15 pertubuhan (100.0%). Hampir keseluruhan pertubuhan lebih cenderung menjalankan aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut pantai berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



Nota. Jumlah mungkin berbeza kerana pembundaran

2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Sarawak mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 96,686 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 96,380 tan metrik, bersamaan 99.7 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 306 tan metrik (0.3%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negeri dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 95,631 tan metrik, bersamaan 98.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 1,055 tan metrik atau hanya 1.1 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan pegangan pertanian individu di Sarawak menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 96,380 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 95,327 tan metrik, iaitu 98.9 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak 1,052 tan metrik, mewakili 1.1 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan sebanyak 306 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dengan 304 tan metrik atau 99.1 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang tiga tan metrik, iaitu 0.9 peratus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran. Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan hampir keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



2.4.5. Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran

Kuantiti pengeluaran mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Sarawak ialah Daro dengan jumlah pengeluaran 12,758 tan metrik (13.2%), diikuti oleh Kuching (12,088 tan metrik, 12.5%), Subis (9,798 tan metrik, 10.1%). Tiga daerah pentadbiran ini hanya merekodkan sumbangan 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran.

Paparan 12: Tiga Kuantiti Pengeluaran Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di Sarawak merekodkan sebanyak 76,867 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang 76,561 tan metrik, iaitu sebanyak 99.6 peratus, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 306 tan metrik (0.4%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Sarawak didominasi oleh pegangan pertanian individu.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 75,822 tan metrik iaitu 98.6 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 1,045 tan metrik (1.4%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.

Paparan 14: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023




2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 76,561 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod

sebanyak 75,518 tan metrik, mewakili 98.6 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak 1,042 tan metrik atau 1.4 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di Sarawak didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.


Paparan 15: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 306 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 303 tan metrik (99.1%) adalah daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut, manakala tiga tan metrik (0.9%) merupakan hasil Perikanan tangkapan darat. Analisis menunjukkan bahawa Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang utama kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 16: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



2.5.5. Kuantiti Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Analisis terhadap kuantiti jualan di peringkat daerah pentadbiran mendapati bahawa tiga daerah pentadbiran mencatatkan jumlah jualan teratas iaitu Daro dengan 10,606 tan metrik (13.8%), Subis (9,309 tan metrik, 12.1%) dan Tatau (8,758 tan metrik, 11.4%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah pentadbiran ini hanya menyumbang 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan Sarawak.

Paparan 17: Tiga Kuantiti Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023



2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di Sarawak mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM528.31 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu, iaitu sebanyak RM526.42 juta, bersamaan dengan 99.6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan nilai jualan sebanyak RM1.89 juta (0.4%). Ini menunjukkan pegangan individu terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Sarawak, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon Perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM481.50 juta atau 91.1 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM46.81 juta, bersamaan dengan 8.9 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM526.42 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM479.63 juta atau 91.1 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM46.79 juta, iaitu bersamaan 8.9 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.


Paparan 20: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM1.89 juta, dengan majoritinya daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut sebanyak RM1.87 juta (99.0%), sementara selebihnya (RM0.02 juta, 1.0%) adalah aktiviti Perikanan tangkapan darat. Nilai jualan ini menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama dalam nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, Sarawak, 2023



2.6.5. Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran

Nilai jualan mengikut tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan oleh Daro dengan nilai jualan sebanyak RM76.04 juta (14.4%), diikuti oleh Kuching sebanyak RM60.04 juta (11.4%) dan Subis RM47.83 juta (9.1%). Gabungan tiga daerah utama ini hanya menyumbang 30 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan Perikanan tangkapan negeri.

Paparan 22: Tiga Nilai Jualan Teratas mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



**WILAYAH
PERSEKUTUAN
LABUAN**


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN W.P. LABUAN

1. PARAMETER PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti Perikanan tangkapan di W.P. Labuan secara keseluruhannya merekodkan penglibatan seramai 317 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 20,015 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 20,015 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM266.23 juta.

Paparan 1: Statistik Utama Perikanan Tangkapan, W.P. Labuan, 2023



2. PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


2.1. PEGANGAN PERTANIAN PERIKANAN TANGKAPAN W.P. LABUAN

Secara keseluruhannya, 317 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti Perikanan tangkapan di W.P. Labuan yang merangkumi 303 pegangan pertanian individu dan 14 pegangan pertanian pertubuhan.

Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, majoriti daripadanya terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut iaitu seramai 298 orang atau 98.3 peratus, manakala baki lima orang (1.7%) mengusahakan Perikanan tangkapan darat.

Bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan pula, kesemua 14 pertubuhan (100.0%) terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan laut.

**Paparan 2: Jumlah Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan,
W.P. Labuan, 2023**




2.2. PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

2.2.1. Jantina

Aktiviti Perikanan tangkapan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan 99.3 peratus atau 301 orang. Manakala pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai dua orang yang mewakili 0.7 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu. Statistik ini memperlihatkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan di W.P. Labuan didominasi oleh lelaki.

Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, W.P. Labuan, 2023




2.2.2. Kumpulan Umur

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 122 orang atau 40.3 peratus. Mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas merekodkan 105 orang (34.7%) manakala mereka yang berada dalam kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 69 orang (22.8%).

Secara keseluruhan, 75 peratus penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.


Carta 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, W.P. Labuan, 2023



2.2.3. Kewarganegaraan dan Etnik

Dalam konteks kewarganegaraan, warganegara Malaysia di W.P. Labuan memonopoli dalam pegangan pertanian individu bagi aktiviti Perikanan tangkapan, iaitu seramai 292 orang (96.4%) berbanding bukan warganegara (11 orang, 3.6%). Pecahan etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan etnik Bumiputera mendominasi dengan merekodkan 95.2 peratus atau 278 orang. Seterusnya, etnik Cina dengan 12 orang (4.1%), diikuti oleh etnik Lain-lain merekodkan dua orang (0.7%). Pegangan pertanian individu W.P. Labuan dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh Bumiputera.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, W.P. Labuan, 2023




2.2.4. Zon Perikanan

Majoriti pegangan pertanian individu, iaitu 298 orang atau 98.3 peratus, terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Sementara itu, seramai lima orang atau 1.7 peratus menjalankan aktiviti tersebut di zon darat.

Analisis mengikut zon laut menunjukkan pegangan pertanian tertumpu kepada Perikanan tangkapan laut pantai iaitu sebanyak 298 orang (100.0%), manakala tiada aktiviti Perikanan tangkapan laut dalam.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.2.5. Sijil Tertinggi Diperoleh

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang memiliki sijil bertaraf rendah, iaitu seramai 125 orang (41.3%). Seterusnya, seramai 95 orang (31.3%) tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, manakala 73 orang (24.1%) memiliki sijil taraf menengah. Sementara itu, hanya sepuluh orang (3.3%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiar. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, W.P. Labuan, 2023



2.2.6. Taraf Perkahwinan

Dapatan menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam aktiviti Perikanan tangkapan di W.P. Labuan, berjumlah 247 orang atau 81.5 peratus daripada keseluruhan. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 23 orang (7.6%). Sementara itu, 23 orang (7.6%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala sepuluh orang (3.3%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.

Carta 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, W.P. Labuan, 2023



2.3. PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

2.3.1. Zon Perikanan

Keseluruhan pertubuhan, iaitu sebanyak 14 pertubuhan atau 100.0 peratus terlibat dalam aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut. Aktiviti Perikanan tangkapan di zon laut tertumpu kepada Perikanan laut pantai dengan merekodkan kesemua pertubuhan (100.0%) berbanding kawasan laut dalam atau darat.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.4. KUANTITI PENGELUARAN

2.4.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di W.P. Labuan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 20,015 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 18,188 tan metrik, bersamaan 90.9 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian individu dengan 1,826 tan metrik (9.1%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian pertubuhan.


Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, W.P. Labuan, 2023



2.4.2. Zon Perikanan

Aktiviti Perikanan tangkapan laut terus mendominasi operasi tangkapan negara dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 20,011 tan metrik, bersamaan 100.0 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti Perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu empat tan metrik atau hanya 0.0 peratus. Aktiviti Perikanan tangkapan laut kekal sebagai tulang belakang industri Perikanan tangkapan negara.


Paparan 9: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.4.3. Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu di W.P. Labuan menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 1,827 tan metrik. Majoriti kuantiti ini disumbangkan melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut yang mencatat 1,823 tan metrik, iaitu 99.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak empat tan metrik, mewakili 0.2 peratus. Secara keseluruhan, pengeluaran Perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian individu amat bergantung kepada sumber laut sebagai penyumbang utama.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.4.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Kategori pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan 18,188 tan metrik, di mana Perikanan tangkapan laut merupakan penyumbang utama (100.0%). Ringkasnya, pengeluaran Perikanan tangkapan pegangan pertanian pertubuhan keseluruhannya bergantung kepada sumber laut.

Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023




2.5. KUANTITI JUALAN

2.5.1. Pegangan Pertanian

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan tangkapan di W.P. Labuan merekodkan sebanyak 20,015 tan metrik. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 18,188 tan metrik, iaitu sebanyak 90.9 peratus, manakala pegangan pertanian individu mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 1,826 tan metrik (9.1%). Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di W.P. Labuan didominasi oleh pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 12: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, W.P. Labuan, 2023



2.5.2. Zon Perikanan

Komposisi kuantiti jualan bagi zon Perikanan tangkapan laut merekodkan 266,173 tan metrik iaitu 100.0 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 60 tan metrik (0.0%). Analisis ini menggambarkan peranan hasil tangkapan laut sebagai pemacu utama aktiviti Perikanan tangkapan negara.


Paparan 13: Kuantiti Jualan mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.5.3. Pegangan Pertanian Individu

Kuantiti jualan Perikanan tangkapan mengikut pegangan pertanian individu mencapai 1,827 tan metrik. Aktiviti Perikanan tangkapan laut mendominasi jualan dengan rekod sebanyak 1,823 tan metrik, mewakili 99.8 peratus daripada keseluruhan, manakala kuantiti jualan daripada Perikanan tangkapan darat pula hanya sebanyak empat tan metrik atau 0.2 peratus. Kuantiti jualan Perikanan tangkapan pegangan individu di W.P. Labuan didominasi sepenuhnya oleh hasil Perikanan tangkapan laut.

Paparan 14: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.5.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Keseluruhan kuantiti jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 18,188 tan metrik (100.0%), di mana Perikanan tangkapan laut menjadi penyumbang utama kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan, manakala tiada pengeluaran direkodkan bagi hasil Perikanan tangkapan darat di W.P. Labuan.

Paparan 15: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.6. NILAI JUALAN

2.6.1. Pegangan Pertanian

Secara keseluruhan, aktiviti Perikanan tangkapan di W.P. Labuan mencatatkan jumlah nilai jualan sebanyak RM266.23 juta. Nilai jualan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan, iaitu sebanyak RM246.66 juta, bersamaan dengan 92.6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala pegangan pertanian individu merekodkan nilai jualan sebanyak RM19.57 juta (7.4%). Ini menunjukkan pegangan pertubuhan terus mendominasi pasaran Perikanan tangkapan negeri.


Paparan 16: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, W.P. Labuan, 2023



2.6.2. Zon Perikanan

Analisis nilai jualan mengikut zon perikanan menunjukkan Perikanan tangkapan laut mencatatkan sebanyak RM266.17 juta atau 100.0 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan. Sementara itu, nilai jualan daripada Perikanan tangkapan darat adalah sebanyak RM0.06 juta, bersamaan dengan 0.0 peratus. Analisis ini menunjukkan nilai jualan aktiviti Perikanan tangkapan didominasi oleh hasil tangkapan laut.


Paparan 17: Nilai Jualan Pegangan Pertanian mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.6.3. Pegangan Pertanian Individu

Pegangan pertanian individu telah merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM19.57 juta. Sebahagian besar daripada nilai ini diperolehi melalui aktiviti Perikanan tangkapan laut, yang berjumlah RM19.51 juta atau 99.7 peratus, manakala Perikanan tangkapan darat menyumbang sebanyak RM0.06 juta, iaitu bersamaan 0.3 peratus. Ringkasnya, nilai jualan Perikanan tangkapan laut jauh mengatasi hasil Perikanan tangkapan darat.

Paparan 18: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



2.6.4. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Nilai jualan mengikut pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM246.66 juta, yang sepenuhnya diperoleh daripada aktiviti Perikanan tangkapan laut. Ini membuktikan bahawa aktiviti tersebut merupakan satu-satunya sumber kepada nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 19: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Zon Perikanan, W.P. Labuan, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

MEMPERKASA STATISTIK SEKTOR PERIKANAN MALAYSIA BAGI MENYOKONG PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN BERASASKAN BUKTI

Mohd Yazid Bin Kasim¹
Veronica Minnie Gumoi²

Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan

1. Latar Belakang

Aktiviti pertanian merupakan sektor asas yang penting kepada ekonomi Malaysia. Walaupun sumbangan sektor Pertanian semakin mengecil sejak 1970-an (1970 : 28.8 peratus kepada KDNK) kepada 6.4 peratus (RM 100.8 billion) pada tahun 2023, namun sektor ini terus diberikan perhatian penting oleh Kerajaan di samping kepesatan sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Perlombongan & Pengkuarian yang telah berevolusi dengan lebih pantas³. Sektor pertanian perlu dilihat sebagai sektor strategik negara yang menjadi teras kepada keterjaminan makanan, rantai ekonomi, peluang pekerjaan, sumber pendapatan isi rumah, serta kemampanan alam sekitar.

Malaysia merupakan sebuah negara yang dikelilingi oleh perairan yang kaya dengan sumber marin, selain memiliki jaringan sungai, tasik dan kolam air tawar yang luas. Sub-sektor Perikanan khasnya Perikanan Laut dan Akuakultur juga merupakan subsektor strategik negara yang mana sumbangan kepada sektor pertanian pada 2023 adalah masing-masing sebanyak 7.2 peratus dan 4.4 peratus. Perikanan bukan hanya menyumbang kepada penghasilan protein dan bagi memenuhi keperluan makanan negara, malahan ia turut menjadi pemangkin kepada perkembangan nilai tambah ekonomi melalui aktiviti pengeluaran dan jualan hasil perikanan termasuklah aktiviti nilai tambah pembuatan produk-produk berasaskan hasil tangkapan perikanan laut, darat dan akuakultur.

Perikanan tangkapan laut melibatkan aktiviti penangkapan ikan dan hasil laut lain di kawasan pantai, Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan laut dalam yang menggunakan pelbagai jenis vesel serta teknologi moden. Aktiviti ini membekalkan ikan pelagik, demersal dan tuna yang menjadi makanan ruji rakyat serta menyumbang kepada pendapatan negara melalui eksport dan industri pemprosesan. Sementara itu, perikanan tangkapan darat pula melibatkan penangkapan ikan dan sumber akuatik di perairan air tawar seperti sungai, tasik, empangan dan kolam, yang menjadi nadi kehidupan komuniti pedalaman dan pesisir. Kedua-dua sektor ini diperkukuh oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang memastikan pengurusan sumber secara lestari serta menyediakan bantuan, latihan dan infrastruktur pemasaran untuk kesejahteraan nelayan dan kelangsungan industri.

Pelaksanaan Banci Perikanan Tangkapan melalui Banci Pertanian 2024 juga merupakan antara inisiatif penting ke arah merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDG) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Antara SDG yang paling relevan dengan aktiviti ini termasuklah SDG 2: Tiada Kelaparan (Zero Hunger), yang disokong melalui sumbangan sektor perikanan terhadap jaminan bekalan makanan dan pemakanan berkhasiat kepada rakyat.⁴

¹ Sedang bekerja di Jabatan Perangkaan Malaysia

² Sedang bekerja di Jabatan Perangkaan Malaysia

³ Merujuk kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar Suku Keempat, 2024

⁴ Merujuk kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *Sustainable Development Goals*, 2015

Bagi memastikan sektor perikanan terus menjadi salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan dalam masa yang sama menjaga kebajikan kumpulan sasaran, Kerajaan menerusi Pelan Pembangunan Perikanan Negara (2021-2030) telah menggariskan halatuju setiap sub-sektor perikanan negara dengan memberi penekanan terhadap perancangan strategik dan penerapan teknologi baharu. Pelan strategik ini penting Berdasarkan Pelan Pembangunan Perikanan Negara, terdapat tujuh sasaran utama di dalam Pelan Pembangunan Perikanan Negara (2021-2030) antaranya:⁵

1. Pembangunan *Fisheries Management Plan* (FMP);
2. Pengenalan Kepada Musim Tertutup;
3. Pelaksanaan Transformasi Vesel Zon B;
4. Pelaksanaan Kajian Pengurusan Sumber;
5. Penambahan Kawasan Perlindungan, Santuari dan Refugia;
6. Penubuhan Konsortium Perikanan; dan
7. Program Pemodenan Vesel

Bagi mencapai sasaran Pelan Pembangunan Perikanan Negara (2021-2030), empat (4) halatuju telah ditetapkan berikut:

- i. Perikanan laut dalam dan akuakultur bagi meningkatkan pengeluaran;
- ii. Galakan usahasama pelaburan dari perikanan laut dalam mahupun akuakultur;
- iii. Penerapan teknologi moden/ IR 4.0 / IOT; dan
- iv. Memperkukuhkan infrastruktur logistik/konsortium/koperasi dan pembangunan kru tempatan serta sokongan kemudahan kewangan.

Sektor perikanan telah merekodkan nilai melalui hasil tangkapan, perikanan darat dan laut serta eksport makanan laut melebihi RM15 bilion setahun pada tahun 2023 (DOF, 2023). Pada tahun 2022, jumlah pengeluaran perikanan negara direkodkan sebanyak 1.89 juta metrik tan dengan subsektor perikanan darat menyumbang hampir 30% daripada jumlah tersebut. Lebih 148,000 rakyat Malaysia bergantung kepada sektor ini sebagai sumber rezeki termasuk nelayan dan penternak perikanan darat dan laut serta pekerja dalam industri pemprosesan hasil laut. Namun demikian, sektor ini berdepan cabaran kekurangan tenaga kerja, apabila bilangan nelayan berkurang daripada 130,000 orang pada tahun 2017 kepada 112,000 orang pada tahun 2023 (DOF, 2023).⁶ Secara global, sektor perikanan darat dan laut menyediakan peluang pekerjaan melebihi 59 juta orang (ILO, 2023) manakala laporan FAO (2024) menunjukkan lebih 50% bekalan makanan laut dunia kini dihasilkan melalui perikanan darat dan laut dengan kadar peningkatan tahunan 6.5% sejak 2010.

Selanjutnya, sektor ini menghadapi pelbagai cabaran termasuk tekanan terhadap sumber marin di mana 45% stok ikan Pantai Barat telah mencapai tahap maksimum hasil mampan dan 15% mengalami tangkapan berlebihan (KPKM, 2023). Hal ini memberi kesan kepada perubahan iklim yang menunjukkan peningkatan suhu laut 0.15°C per dekad mengancam migrasi spesies komersial (Cheung et al., 2021) yang mendorong pelaksanaan pelbagai inisiatif kerajaan seperti Dasar Perikanan Negara 2021-2030. Ini menekankan pendekatan ekosistem (KPKM, 2021) Program Transformasi Akuakultur bernilai RM1.2 bilion untuk penerapan teknologi moden (DOF, 2023) dan Pelan Tindakan Perikanan Lestari yang mensasarkan pengurangan 40% aktiviti *Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) fishing* menjelang 2025 (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, 2022).


⁵ Merujuk kepada Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia, 2021-2030

⁶ Merujuk kepada Jabatan Perikanan Malaysia, 2023

2. Isu Semasa Sektor Perikanan dari Sudut Nelayan dan Kelestarian Perikanan Laut dan Darat

Sektor perikanan Malaysia menghadapi pelbagai cabaran kompleks dari aspek sosioekonomi dan kelestarian di mana nelayan tempatan terpaksa berdepan dengan ketidakpastian cuaca dan perubahan iklim. Hal ini mengganggu operasi penangkapan, persaingan sengit dengan nelayan asing yang menyebabkan kenaikan kos operasi (termasuk bahan api +40% sejak 2020 dan peralatan +25%) serta krisis generasi muda dengan hanya 15% nelayan berusia bawah 35 tahun (DOF, 2023). Dari perspektif kelestarian, analisis FAO (2024)⁷ menunjukkan trend yang membimbangkan dengan stok ikan lestari global merosot dari 90% (1974) kepada 62.3% (2021), manakala stok ditangkap yang berlebihan meningkat dari 10% kepada 37.7% dalam tempoh yang sama. Sungguhpun begitu, 76.9% tangkapan hasil laut di peringkat global adalah masih bersumberkan stok sedia ada. Situasi ini bertambah buruk disebabkan oleh amalan *overfishing* di perairan Pantai Barat Malaysia (45% stok mencapai had maksimum).

Rajah 1: Trend Global Status Stok Ikan Marin Dunia (1974-2021)



Sumber: FAO (2024) www.fao.org/sofia

3. Dasar Kerajaan tentang Perikanan

3.1 Amalan Perikanan

Dasar kerajaan Malaysia mengenai amalan perikanan menekankan pengurusan sumber perikanan yang lestari dan bersepadu bagi memastikan kelestarian ekosistem laut serta kesejahteraan komuniti nelayan. DOF menguatkuasakan pelbagai undang-undang dan peraturan seperti Akta Perikanan 1985 dan pindaan-pindaan terkini untuk mengawal selia aktiviti penangkapan ikan termasuk larangan penangkapan ikan semasa musim bertelur dan penguatkuasaan saiz minimum serta maksimum ikan yang boleh ditangkap (DOF, 2024). Pendekatan ini bertujuan mengelakkan penangkapan berlebihan dan memastikan stok ikan terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Selain itu, dasar kerajaan turut menitikberatkan penglibatan komuniti nelayan dalam pengurusan perikanan melalui pendekatan pengurusan bersama. Ini termasuk penubuhan

⁷ Merujuk kepada *Food and Agriculture Organization of the United Nations, 2024*

pasukan pemantau khas yang melibatkan penduduk tempatan untuk memantau kepatuhan terhadap peraturan perikanan serta menggalakkan amalan penangkapan yang bertanggungjawab (Radio Televisyen Malaysia, 2025)⁸. Kerajaan juga menyediakan latihan dan program pembangunan kapasiti bagi nelayan dan penternak ikan air tawar untuk meningkatkan kemahiran serta mempraktikkan amalan terbaik dalam sektor perikanan darat dan laut.

Strategi pengurusan kawasan perikanan juga melibatkan penggunaan teknologi moden dan pemodenan vesel laut dalam usaha meningkatkan produktiviti nelayan zon A dan B. Program ini disokong melalui pelaburan dalam peralatan tangkapan dan sistem pengawasan yang lebih efisien (KPKM, 2021)⁹. Selain itu, dasar ini selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang menitikberatkan pengurusan lestari sumber perikanan serta pembangunan akuakultur secara intensif untuk memenuhi permintaan makanan yang semakin meningkat.

3.2 Pengurusan Data dan Statistik Perikanan

Pengurusan data dan statistik perikanan adalah elemen penting dalam memastikan kelestarian sumber laut dan pembangunan sektor perikanan yang mampan di Malaysia. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bertanggungjawab mengumpul, menyusun, dan menganalisis data melalui penerbitan Perangkaan Perikanan Tahunan yang merangkumi jumlah pendaratan ikan laut mengikut negeri dan pantai, nilai tangkapan, serta profil nelayan berdaftar (DOF, 2023). Data tepat dan terkini ini membolehkan kerajaan merancang dasar yang berkesan dan melaksanakan tindakan pengurusan sumber yang sesuai.

Seiring dengan perkembangan global, Malaysia meningkatkan kualiti statistik perikanan mengikut piawaian Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) melalui metodologi pengumpulan data sistematik dan standardisasi klasifikasi hasil tangkapan. Ini memastikan data yang dikumpul boleh dibandingkan secara global dan menyokong kerjasama antarabangsa dalam pengurusan sumber perikanan (FAO, 2021).

Modernisasi statistik turut dilaksanakan melalui integrasi data Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang mengumpul data daripada lebih satu juta isi rumah dan hampir 17,000 syarikat pertanian termasuk sektor perikanan dan perikanan darat. Pendekatan digital ini meningkatkan ketepatan, kelengkapan dan kekerapan kemas kini data sekaligus memperkukuh perancangan pembangunan sektor secara holistik (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024)¹⁰.

Selain aspek teknikal, kerajaan turut menitikberatkan perlindungan sosial komuniti nelayan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Pelbagai program bantuan seperti Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), subsidi bahan api dan insentif hasil tangkapan disediakan untuk meringankan beban kos sara hidup dan meningkatkan produktiviti nelayan berdaftar dengan lesen yang sah (LKIM, 2024).

Kerajaan juga memperkukuh sektor perikanan tangkapan dengan bantuan bot dan peralatan, program latihan dan keusahawanan serta sistem digital e-Nelayan untuk pengurusan data dan pemantauan aktiviti nelayan secara berkesan (DOF, 2023). Skim Subsidi Diesel Bersubsidi (SSD) dan Kad Fleet Nelayan diperkenalkan sebagai mekanisme kawalan bagi

⁸ Merujuk kepada Radio Televisyen Malaysia, 2025

⁹ Merujuk kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2021

¹⁰ Merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024

memastikan subsidi bahan api disalurkan tepat dan mengelakkan penyalahgunaan dengan pemantauan rapi untuk keberkesanan program dan keadilan dalam penyaluran bantuan¹¹.

Melalui pengurusan data yang sistematik, penggunaan teknologi moden dan sokongan sosial bersepadu, Malaysia berusaha memperkukuh sektor perikanan demi kelestarian sumber dan kesejahteraan komuniti nelayan kini dan masa depan.

3.3 Keterjaminan Makanan bagi Ikan dan Protein

Keterjaminan makanan bagi ikan dan protein adalah fokus utama kerajaan Malaysia yang dilaksanakan melalui pelbagai dasar dan pelan strategik. Dasar Agromakanan Negara (DAN) menekankan pengeluaran makanan secara mampan dengan penggunaan teknologi moden dan inovasi dalam sektor perikanan dan akuakultur untuk meningkatkan bekalan protein ikan domestik (KPKM, 2022)¹². Pelan Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 pula memperkukuh daya tahan sistem makanan negara melalui lima teras strategik yang meliputi ketersediaan, akses, penggunaan, kestabilan, dan pemeraksanaan data sekuriti makanan, bagi memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi dan berkualiti walaupun menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim dan gangguan rantaian bekalan (KPKM, 2021).

Selain itu, Transformasi Industri Perikanan Negara memperkenalkan teknologi pintar dan amalan akuakultur lestari untuk meningkatkan produktiviti nelayan dan kualiti hasil tangkapan yang disokong oleh program bantuan sosial seperti Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) bagi memastikan kesejahteraan komuniti nelayan sebagai pengeluar utama protein ikan negara. Gabungan dasar dan pelan ini membentuk pendekatan holistik yang menjamin bekalan protein ikan yang berterusan, selamat, dan berkhasiat demi kesejahteraan rakyat Malaysia (LKIM, 2024).

4. Amalan Perikanan Antarabangsa

Malaysia secara proaktif menyesuaikan dasar dan amalan sektor perikanan agar seiring dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik global. Rujukan utama yang digunakan ialah *FAO Code of Conduct for Responsible Fisheries* yang menyediakan garis panduan menyeluruh bagi pengurusan perikanan secara bertanggungjawab dan lestari. Dalam usaha meningkatkan kecekapan sektor ini, teknologi moden seperti penggunaan GPS dan sonar dari negara seperti Jepun dan Korea telah diperkenalkan dalam aktiviti penangkapan ikan. Malaysia turut mengadaptasi sistem akuakultur integrasi dari negara-negara seperti Norway dan China untuk mempertingkatkan hasil ternakan akuatik serta menjamin kelestarian sumber marin¹³.

Tambahan pula, Malaysia turut menitikberatkan pensijilan Ekolabel serta pematuhan terhadap piawaian eksport antarabangsa bagi memastikan produk perikananannya menepati kehendak pasaran global dan memperkukuh daya saing negara (FAO, 1995). Penerapan teknologi canggih seperti sistem pemantauan satelit dan kecerdasan buatan (AI) telah membolehkan negara seperti Norway dan Jepun meningkatkan produktiviti sektor akuakultur mereka. Menurut Tanaka (2021), hasil akuakultur Norway meningkat sebanyak 15.0 % dalam tempoh lima tahun menerusi penggunaan teknologi inovatif. Justeru, pengalaman dan kejayaan negara-negara tersebut menjadi rujukan strategik dalam usaha Malaysia memperkasakan sektor perikanan yang mampan dan kompetitif di peringkat antarabangsa.

¹¹ Merujuk kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 2024

¹² Merujuk kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dasar Agromakanan Negara (2021-2030), 2022

¹³ Merujuk kepada Tanaka, H. *Technological innovations in fisheries management: Lessons from Japan and Norway*, *Aquaculture International*, 2021

5. Ketersediaan Statistik dan Maklumat Perikanan Tangkapan

5.1 Statistik Pendaratan Ikan Laut dan Ikan Darat Malaysia Tahun 2023

Pada ketika ini DOF merupakan agensi kawal selia sektor perikanan Malaysia, termasuklah menyusun dan menerbitkan statistik berkaitan sektor perikanan. Sektor perikanan Malaysia mencatatkan nilai pengeluaran sebanyak RM16.5 bilion pada tahun 2023, meningkat 3.6% berbanding RM15.93 bilion pada tahun 2022 (DOF, 2024). Walaupun nilai keseluruhan meningkat, jumlah ikan yang ditangkap untuk tujuan makanan menurun sebanyak 5.5%, daripada 1.89 juta tan metrik pada 2022 kepada 1.79 juta tan metrik pada 2023 (DOF, 2023). Penurunan ini menandakan keperluan mendesak untuk memberi perhatian kepada kelestarian sumber dan tekanan terhadap stok ikan di perairan utama negara.

Sektor perikanan turut menunjukkan perkembangan dengan pengeluaran sebanyak 241 juta ekor ikan hiasan dan 26 juta ikat tumbuhan akuatik pada tahun 2023. Pertumbuhan subsektor ini membuka peluang baharu yang berpotensi meningkatkan pendapatan negara dan memperkukuh ekonomi komuniti pesisir¹⁴.


Walaupun nilai pengeluaran meningkat, penurunan jumlah ikan yang ditangkap untuk tujuan makanan perlu diberi perhatian. Antara faktor utama yang menyumbang kepada trend ini ialah tekanan terhadap sumber marin, kesan perubahan iklim serta cabaran rantaian bekalan global pasca-pandemik. Justeru, sektor perikanan perlu menggunakan kaedah pengurusan yang lebih cekap dan memperkenalkan inovasi agar industri ini kekal lestari dan berdaya saing.

5.2 Statistik Global Pendaratan Ikan (FAO, 2022)

Menurut laporan FAO SOFIA 2024, pengeluaran global perikanan pada tahun 2022 mencapai 223.2 juta tan, dengan haiwan akuatik menyumbang 185.4 juta tan dan alga sebanyak 37.8 juta tan. Akuakultur global mencatatkan pengeluaran sebanyak 130.9 juta tan, melebihi tangkapan liar, menandakan peralihan dunia ke arah pengeluaran lestari yang lebih berterusan dan mampan (FAO, 2024). Smith et al. (2022) menegaskan bahawa penggunaan statistik perikanan yang komprehensif di Eropah telah membolehkan pengurusan kuota tangkapan yang lebih efektif dan pemantauan stok ikan secara masa nyata sekali gus meningkatkan kelestarian sumber dan daya tahan komuniti nelayan.


¹⁴ Merujuk kepada Laporan Tahunan Prestasi Sektor Perikanan 2023, Jabatan Perikanan Malaysia, 2024

Rajah 2: Pengeluaran Global Perikanan 2022




Sumber: FAO (2024)

Rajah 3: Trend Pengeluaran Perikanan Tangkapan Global (1950-2022)



Sumber: FAO (2024) www.fao.org/fishery/en/statistics/software/fishstati

Rajah 4: Trend Pengeluaran Akuakultur Global (1990-2022)



Sumber: FAO (2024) www.fao.org/fishery/en/statistics/software/fishstati

6. Tanda Aras Penyusunan Data Perikanan di Peringkat Antarabangsa

Penyusunan data perikanan yang sistematik dan piawai antarabangsa menjadi asas penting dalam perancangan, pengurusan dan pembangunan mampan sektor ini. Laporan Tahunan Perikanan FAO mencatatkan bahawa pengeluaran global sektor perikanan dan akuakultur telah mencapai rekod tertinggi dengan hasil tangkapan laut mencecah 82 juta tan metrik yang menekankan keperluan terhadap data tepat dan menyeluruh bagi menyokong keputusan dasar dan pemantauan sumber¹⁵.

Beberapa negara telah menunjukkan amalan terbaik dalam penyusunan data sektor ini. Sebagai contoh, Filipina melaksanakan *Census of Agriculture and Fisheries (CAF)* secara berkala bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang sumber dan aktiviti perikanan negara¹⁶. Korea Selatan pula telah menjalankan *Census of Agriculture, Forestry and Fisheries* sejak tahun 1960 menjadikannya antara negara yang mempunyai data bersiri paling lama dan terperinci dalam bidang ini. Negara-negara lain seperti Saint Lucia dan Nigeria turut melaksanakan banci menyeluruh yang merangkumi sektor perikanan termasuk aktiviti perikanan pesisir dan komuniti nelayan. Dalam usaha menyelaras kaedah penyusunan data di peringkat global, FAO menerbitkan panduan melalui *World Programme for the Census of Agriculture (WCA)* yang turut merangkumi elemen perikanan dan menyediakan kerangka

¹⁵ Merujuk kepada *Food and Agriculture Organization of the United Nations. State of world fisheries and aquaculture, 2024*

¹⁶ Merujuk kepada *Census of Agriculture and Fisheries (CAF), 2022*

metodologi bagi pelaksanaan banci bersepadu¹⁷. Tanda aras antarabangsa ini bukan sahaja membolehkan perbandingan rentas negara tetapi juga membantu negara-negara membangun seperti Malaysia untuk memperkukuh sistem pengumpulan data perikanan secara lebih berkesan dan selaras dengan keperluan global.

7. Banci Pertanian Malaysia 2024: Tanda Aras Baharu Subsektor Perikanan

